

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"KERANA itu, azam beta adalah semakin kuat, untuk menjadikan Brunei Darussalam ini benar-benar sebuah 'Negara Zikir' yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah di dalamnya, dengan akhlak mulia menjadi pakaianya, di samping juga pandai menghormati jiran dan ikhlas menghulurkan tangan kepada semua sahabat dan rakan di seluruh jagat ini."

- Titah Sempena Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1433.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"KETAHUILAH : Sesungguhnya Tuhanmu meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan apa sahaja yang kamu belanjakan untuk kebaikan, maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba', ayat 39.

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK  
5.02 5.12 6.34 6.58 12.31 3.53 6.26 7.40

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 8

17 JANUARI 2018 / 1439

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

## Berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Kingdom of Thailand

Oleh : Marlina Waty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 16 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Kingdom of Thailand, Tuan Yang Terutama Don Pramudwinai yang mengadakan lawatan rasmi ke negara ini selama dua hari.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Menteri Luar Negeri Kingdom of Thailand telah berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Kingdom of Thailand serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa.

Menyertai bersama Tuan Yang Terutama Menteri Luar Negeri Kingdom of Thailand pada Majlis Mengadap itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kingdom of Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes.

Juga hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Kingdom of Thailand, Tuan Yang Terutama Don Pramudwinai yang mengadakan lawatan rasmi ke negara ini selama dua hari. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

## Contoh kepada peladang lain

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**KIUDANG**, Isnin, 15 Januari. - Tujuan utama lawatan ke Syarikat QAF Farm Sdn. Bhd. tersebut adalah sebagai kesinambungan daripada lawatan ke tapak perusahaan yang telah dilawati.

Menurut Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, di syarikat ini banyak yang begitu menarik sekali di ladang dan mempunyai kawalan biosecuriti yang begitu ketat sekali dan jika mana-mana pihak ingin melawat ke ladang tersebut perlu melalui proses untuk membersihkan diri dan

pakaian sebelum melawat ke ladang untuk mengelakkan sebarang penyakit kepada ternakan yang ada di ladang tersebut.

Semasa ditemui di Syarikat QAF Farm Sdn. Bhd. yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian Mungkom, Kiudang Tutong, Yang Berhormat menjelaskan, ini adalah harus dijadikan contoh kepada peladang lain.

Ke muka 5

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept\_bn



Jabatan  
Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri



Muka 4

MANGSA  
banjir  
terima bantuan



Muka 8

TINJAUAN ke Sekolah  
Menengah Arab  
Laki-Laki Hassanal Bolkiah

# Tingkatkan perkembangan dan kemajuan Lembaga Bandaran

Bismillahir Rahmani Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**K**ITA bersyukur ke hadrat Allah Subahanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Perjumpaan dengan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB), Kuala Belait dan Seria dan Tutong pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu dengan mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan taufik dan hidayah-Nya kepada semua ahli Lembaga Bandaran dan memberkati semua usaha dan rancangan yang akan dilaksanakan.

Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-Ahli Lembaga Bandaran BSB, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, dan Lembaga Bandaran Tutong di atas kurnia perkenan lantikan sebagai Ahli-Ahli Lembaga Bandaran bagi tempoh dua tahun mulai 1 September 2017.

Lantikan ini adalah merupakan suatu pengiktirafan di atas kewibawaan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran dalam bidang masing-masing. Adalah diharapkan dengan pengetahuan, pengalaman dan pandangan jauh, Ahli-Ahli Lembaga Bandaran akan dapat memberikan sumbangan yang berharga dan positif kepada Lembaga Bandaran masing-masing. Lantikan ini juga adalah suatu amanah yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab. Oleh yang demikian, saya mengharapkan ahli-ahli tidak hanya akan terikat untuk menyampaikan pandangan dan cadangan semasa persidangan lembaga atau dihadkan dengan batas waktu, tetapi ahli-ahli digalakkan untuk menyampaikan pandangan dan cadangan pada bila-bila masa yang bersesuaian.

Saya percaya dengan pengetahuan dan pengalaman luas ahli-ahli, terutama melihat dan menyaksikan perkembangan dan kemajuan Bandaraya dan bandar-bandar di luar negara, ahli-ahli akan dapat mempelajari amalan-amalan terbaik yang dapat digunakan bagi meningkatkan lagi perkembangan dan kemajuan Lembaga-Lembaga Bandaran di negara ini. Malah kita perlu juga meneroka inisiatif-inisiatif sendiri berdasarkan keadaan di negara ini.

Dalam melangkah ke tahun 2018 ini, kita sewajarnya memberi perhatian berat kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Baharu Masihi 2018 mengenai tiga perkara utama, iaitu :



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Muzakarah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Pengurus dan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria dan Tutong bagi Tahun 2017 - 2018 dan 2018 - 2019, pada Rabu, 23 Jamadilakhir 1439 Hijrah / 10 Januari 2018 Masih bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 4, Bangunan Baru Jabatan Daerah Brunei dan Muara.**

i. Mengenai detik gemilang Sambutan Jubli Emas baginda Menaiki Takhta, baginda mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, baik secara langsung ataupun tidak, dalam menjayakan Sambutan Jubli Emas dan semua acara di dalamnya. Baginda seterusnya bertitah bahawa kemeriah sambutan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk, termasuk para pengunjung dari luar, mencerminkan keharmonian hidup bermasyarakat di negara ini yang mana perlu kita pertahankan supaya negara terus kekal dalam aman dan makmur untuk diwarisi oleh generasi demi generasi.

ii. Tempoh sasaran bagi Wawasan Brunei 2035 yang semakin hampir dari tahun ke tahun, maka semakin besarlah tanggungjawab untuk kita memastikan bahawa langkah kita tidaklah ke mananya, melainkan hanya terarah kepada sasaran sahaja, sehingga tercapainya matlamat 'Brunei Maju'. Dalam mendukung 'Brunei Maju' ini, negara memerlukan kerjasama erat antara pihak kerajaan, swasta dan rakyat seumumnya.

iii. Seterusnya, baginda menekankan kerjasama erat semua pihak yang amat diperlukan kerana dengan kerjasama inilah akan menjadikan iklim perniagaan

dan perusahaan bertambah mudah, sekali gus akan menjadikan negara juga lebih menarik di mata pelabur-pelabur asing.

Kita amat menjunjung tinggi akan titah baginda itu dan menjadikannya sebagai pedoman dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita bagi membawa kemakmuran, keharmonian bagi negara ini sebagaimana yang baginda hasratkan.

Tahun 2017 yang baru sahaja kita tinggalkan telah membawa kenangan dan sejarah yang signifikan kerana Negara Brunei Darussalam telah meraikan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. BSB telah menjadi tarikan rakyat dan penduduk negara ini dan pelancong-pelancong dari luar negeri yang mana berbangga berada di negara ini untuk sama-sama menyaksikan program yang telah disusun atur. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana menyaksikan perasmian dua infrastruktur pembangunan di BSB, iaitu Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada 14 Oktober 2017 dan Taman Mahkota Jubli Emas pada 22 Oktober 2017. Infrastruktur baharu ini merupakan tambahan kepada infrastruktur-perhubungan, rekreasi dan riadah yang sedia ada di bawah kawasan Lembaga Bandaran BSB. Dalam hubungan ini, adalah menjadi tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini untuk sama-sama menjaga, memelihara dan membina Taman Mahkota Jubli Emas dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang merupakan satu pelaburan besar untuk rakyat dan penduduk negara ini.

Mengenai dengan taman riadah ini, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan secara khususnya kepada Yang Mulia Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad, Ahli Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Pengurus Eksekutif Projek X-25 yang telah melaksanakan 'Projek Menaik Taraf Tapak Kawasan X-25' menjadikannya sebagai satu kawasan untuk beriadah sebagai satu sumbangan syarikat sektor swasta, Persatuan Komuniti Cina dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Sehubungan ini, baginda telah pun memperkenankan bagi kawasan X-25 dimajukan dan dinaik taraf menjadi sebuah Taman Riadah di Daerah Belait dan diberi nama sebagai 'Taman Riadah Jubli Emas, Kuala Belait'.

Ke muka 3

Usaha untuk meningkatkan sektor berkenaan ketika ini adalah tidak mustahil dapat dicapai dengan penggunaan teknologi moden dan canggih yang giat dilaksanakan oleh ramai para petani di seluruh dunia ketika ini, lebih-lebih lagi atas dorongan dan galakan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakan yang terus komited untuk memastikan sektor pertanian menjadi salah satu penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara khususnya untuk meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi dan teknik moden dalam sektor pertanian.

Visi negara, untuk mencapai produktiviti yang tinggi dengan pertumbuhan mapan serta mempunyai industri perniagaan agri yang berasaskan eksport insyaAllah akan tercapai, kerana industri pertanian dan agrimakan adalah salah satu sektor utama yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan kepelbagaian ekonomi kerana usahawan berasaskan pertanian merupakan bidang yang berpotensi tinggi dan memulangkan hasil yang sangat lumayan dalam perniagaan pada masa kini. Meskipun wujud cabaran dan juga halangan.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

17 JANUARI 2018 BERSAMAAN 1439 30 ربى الآخر

## CEBURI BIDANG PERTANIAN UNTUK PEKERJAAN TETAP

**M**ENGURANGKAN pengangguran di negara ini yang dianggarkan dalam kedudukan ke-15 dibandingkan dengan negara-negara Asia dan Pasifik, iaitu dengan kadar pengangguran sebanyak 6.7 peratus merupakan salah satu agenda utama negara, melalui pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh pelbagai sektor Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jawatankuasa Kerja Khas Bagi Menangani Isu-Isu Pengangguran terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan. Jawatankuasa khas ini dengan kerjasama pihak swasta telah melaksanakan inisiatif tersebut melalui dua pendekatan utama, iaitu dengan meningkatkan peluang-peluang pekerjaan (*employment opportunities*) kepada anak-anak tempatan dan melalui pendidikan latihan teknikal dan vokasional.

Sehingga kini, seramai lebih 12,934 orang pencari kerja telah didaftarkan di bawah Pusat Pekerjaan Brunei (JobCentre Brunei - JCB). Daripada pecahan jumlah berkenaan, 2,362 terdiri mereka yang berkelulusan Degree dan ke atas; 1,212 HND; 3,661 Vokasional dan Teknikal; 468 Pra-Universiti dan bagi kelulusan peringkat menengah ke bawah sebanyak 5,231 orang.

Melihat kepada jumlah pengangguran yang amat membimbangkan dan mungkin terus meningkat, kenapa tidak kita terus menggalakkan dan meningkatkan bidang sektor pertanian sebagai sumber pekerjaan kepada anak-anak tempatan kita kerana sektor pertanian juga menjanjiakan pendapatan yang lumayan dan dapat menciptakan banyak peluang-peluang pekerjaan jika djalankan dengan teratur dan terancang.

Sektor pertanian telah dikenali pasti amat memainkan peranan yang sangat penting dan ia perlu ditingkatkan dengan lebih cepat bagi menyumbang dan menjana pertumbuhan ekonomi negara kita agar tidak hanya bergantung kepada sumber minyak dan gas sahaja.

Apabila penting, sudah tiba masanya generasi muda kita hari ini atau para belia mencebur ke bidang pertanian sebagai sumber pendapatan dan seterusnya meningkatkan sumber ekonomi negara. Dengan yang demikian, untuk memupuk minat belia negara ini terhadap bidang pertanian sesuai perlu dilakukan.

Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan agensi yang terlibat untuk menggalakkan masyarakat negara ini melibatkan diri dalam bidang pertanian perlu diteruskan kerana bidang pertanian bukanlah suatu bidang yang baharu, di mana ia begitu sinonim dengan masyarakat negara kita, walaupun masih ada tanggapan negatif tentang pertanian terutama dalam kalangan belia yang wajar dikikis.

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Bagi tujuan itu, pelbagai program perlu dilaksanakan untuk menghasilkan usahawan dalam bidang pertanian khususnya untuk belia-belia yang benar-benar berminat dan bercita-cita menjadi menjadi usahawan dalam bidang tersebut.

Usaha untuk meningkatkan sektor berkenaan ketika ini adalah tidak mustahil dapat dicapai dengan penggunaan teknologi moden dan canggih yang giat dilaksanakan oleh ramai para petani di seluruh dunia ketika ini, lebih-lebih lagi atas dorongan dan galakan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakan yang terus komited untuk memastikan sektor pertanian menjadi salah satu penyumbang penting kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan kepelbagaian ekonomi kerana usahawan berasaskan pertanian merupakan bidang yang berpotensi tinggi dan memulangkan hasil yang sangat lumayan dalam perniagaan pada masa kini. Meskipun wujud cabaran dan juga halangan.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Bagi tujuan itu, pelbagai program perlu dilaksanakan untuk menghasilkan usahawan dalam bidang pertanian khususnya untuk belia-belia yang benar-benar berminat dan bercita-cita menjadi menjadi usahawan dalam bidang tersebut.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergantung kepada sumber makanan dari luar sahaja.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dengan yang demikian, kita mesti membangunkan modal insan serta usahawan pertanian dari golongan belia, memandangkan perkembangan ekonomi semasa pada masa ini membuka banyak peluang kepada golongan belia untuk mencebur ke bidang pertanian berikut pengeluaran makanan utama semakin berkurangan. Pada masa yang sama, permintaan terhadap produk pertanian seperti beras semakin meningkat dan ia bakal menjamin masa depan kepada petani kerana bidang pertanian bukan sahaja untuk keperluan negara malah juga permintaan peringkat global.

Oleh itu, bidang pertanian mestи terus diperkasa sehingga mampu untuk kita memenuhi sara diri. Dan di sinilah peranan para belia kita untuk terus memperkasanya agar negara kita tidak selamanya bergant

# Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan muhibah

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Januari. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara (JMMN) menerima kunjungan daripada Pesuruhjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam.

Pesuruhjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay mengadakan Kunjungan Muhibah kepada Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.


Semasa kunjungan muhibah tersebut, kedua belah pihak bertukar-tukar pandangan serta membincangkan mengenai langkah-langkah kerjasama yang boleh diwujudkan di antara MMN dan Pesuruhjaya Tinggi British di negara ini juga kerjasama di antara MMN dan Parlimen United Kingdom.

Tuan Yang Terutama

Pesuruhjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam juga melahirkan rasa bermintat mengenai perkembangan Persidangan MMN.

Turut hadir sama dalam kunjungan tersebut ialah Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar; Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail serta beberapa pegawai JMMN.

**PESURUHJAYA** Tinggi British di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay (kiri) mengadakan Kunjungan Muhibah kepada Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib (kanan).



## HALUAN

### Dari muka 2

Saya berharap inisiatif seumpama ini akan dapat dicontohi oleh sektor swasta sebagai satu rancangan 'Private Public Partnership' (PPP) dan sumbangan 'Corporate Social Responsibility' (CSR) kepada masyarakat setempat.

Dalam masa yang sama, saya menaruh harapan yang tinggi kepada Ahli-Ahli Lembaga Bandaran untuk sama-sama memikirkan akan rancangan-rancangan yang boleh mengubah wajah Lembaga Bandaran, menjadikan BSB, Kuala Belait dan Seria serta Tutong pusat bandar yang vibrant, ceria, bersih dan dapat menarik pengunjung-pengunjung dan dapat membantu menjana perkembangan ekonomi, sekurang-kurangnya bagi pengusaha mikro, kecil dan sederhana.

Satu daripada kriteria menilai status pusat bandar ialah kebersihan. Ke arah ini saya menghargai usaha-usaha Lembaga Bandaran untuk memastikan kawasan bandar dan pusat bandar sentiasa bersih dan hijau.

Kita memahami bahawa adalah menjadi tanggungjawab semua yang berkenaan, iaitu pemilik bangunan, pusat komersil, bengkel-bengkel, kedai-kedai dan gerai-gerai perniagaan untuk memastikan kawasan masih-masing adalah bersih.

Kita juga menghargai akan inisiatif Jawatankuasa Kebangsaan Menangani Isu Kebersihan dan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang sama-sama menyumbang

dalam memberikan kesedaran (*awareness*) kepada orang ramai mengenai pentingnya menjaga dan memelihara kebersihan di negara ni.

Ke arah ini, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menitahkan :

"Lembaga Bandaran BSB untuk terus menjaga kebersihan dan kecantikan kawasan dan taman-taman di BSB untuk menjadikannya satu kawasan yang menarik untuk penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan tersebut dan juga kepada pelancong-pelancong yang berkunjung di Negara Brunei Darussalam.

Usaha-usaha menangani kebersihan juga perlulah turut dilaratkan kepada bangunan-bangunan pasar yang terdapat di setiap daerah, seperti Pasar Gadong dan Pasar Jerudong dan persekitarannya. Langkah ini perlu agar sikap mementingkan kebersihan akan terus dipupuk dan dibudayakan dalam masyarakat negara ini di semua peringkat."

Seterusnya, saya ingin mengongsikan mengenai pencapaian BSB di peringkat antarabangsa sepertimana yang dilaporkan dalam sebuah artikel akhbar tempatan pada bulan Ogos 2017. BSB berada di tangga 100 dalam *global ranking of most liveable cities* dan *Southeast Asia's third most liveable city* selepas Singapura dan Kuala Lumpur. Kajian tersebut telah dibuat oleh Economist Intelligence Unit (EIU). Pencapaian ini adalah berdasarkan kepada pembangunan infrastruktur.

Hasil kerja agensi-agensi yang berkepentingan amatlah dihargai. Saya yakin pencapaian ini adalah pencetus semangat atau pemangkin kepada Lembaga Bandaran BSB secara khususnya dan Lembaga-Lembaga Bandaran yang lainnya untuk mengelakkan kemampaman dan kedaya-saingan kawasan lembaga bandaran masing-masing.

Pada tahun 2017 juga, agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan, syarikat-syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) telah saling bekerjasama menghidupkan suasana bandar masing-masing melalui Program 'Bandarku Ceria', 'Belaitku Ceria' dan 'Tutongku Ceria' di mana lembaga dengan mengaturkan acara-acara sukan dan riadah yang bersesuaian untuk menarik warga bandar dan penduduk untuk menyertai dan seterusnya membantu peniaga mikro, kecil dan sederhana menjana pendapatan.

Selaras dengan peranan pengurus dan Ahli-Ahli Lembaga selaku 'pemikir kepada perubahan', saya berharap pada tahun-tahun pelantikan ini agar sumbangan dan penglibatan Lembaga Bandaran akan terus dipertingkatkan dengan lebih komited, lebih berdedikasi dengan pemikiran-pemikiran yang lebih kreatif, berinisiatif dan substantif serta boleh melihat dan seterusnya merancang

pembaharuan-pembaharuan yang realistik dengan hasrat untuk mewujudkan pembangunan perbandaran yang mampu dengan penyediaan peningkatan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam, suasana iklim perniagaan sihat dan mesra pelanggan, persekitaran yang bersih, selesa, selamat dan aman untuk warga bandar dan bagi yang mereka berurusan dalam perbandaran secara amnya dan Negara Brunei Darussalam secara keseluruhan. Lembaga Bandaran perlulah juga memikirkan perkembangan sosioekonomi bandar dengan menyediakan perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti tinggi, teratur dan efisien.

Apa pun rancangan yang disusun atur oleh Lembaga-Lembaga Bandaran ianya perlulah realistik dan achievable dengan menggunakan mekanisma *Delivery Approach* dan *Key Performance Indicator* (KPI) terutama projek-projek yang telah dirancang dan dibincangkan dalam Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Bandaran agar dapat dipantau pengikut perancangan.

Lembaga-Lembaga Bandaran mestilah bersedia untuk mendengar dan menerima idea-idea, keluhan dan aduan orang awam bagi menjaga kesejahteraan mereka, serta mengadakan perundingan dan

membincangkan cross-cutting issues yang melibatkan agensi-agensi kerajaan untuk diberikan perhatian dan tindakan penyelesaian. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi *whole nation approach*. Bagaimanapun, ingin saya menekankan bahawa Mesyuarat Lembaga-Lembaga Bandaran hendaklah fokus kepada isu-isu strategik untuk pembangunan kawasan perbandaran dan bukannya isu operasi yang mana boleh ditangani di peringkat jabatan sahaja.

Saya juga ingin menyarankan agar Ahli-Ahli Lembaga Bandaran akan dapat meneliti peraturan-peraturan yang sedia ada samaada perlu diselaraskan dengan keperluan masa. Sebagai contoh ialah denda yang dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan pembuangan sampah supaya jumlah denda itu dapat mencegah (*deterrant*) dan pengajaran supaya tidak akan melakukan kesalahan sedemikian.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Lembaga Bandaran di atas lantikan masing-masing dan berdoa semoga ahli-ahli akan terus dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala taufik dan hidayah-Nya untuk dapat memberikan sumbangan kepada Lembaga Bandaran masing-masing dan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih. *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**"LEMBAGA Bandaran BSB untuk terus menjaga kebersihan dan kecantikan kawasan dan taman-taman di BSB untuk menjadikannya satu kawasan yang menarik untuk penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan tersebut dan juga kepada pelancong-pelancong yang berkunjung di Negara Brunei Darussalam."**

# Mangsa banjir terima bantuan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB semasa melawat ke Sekolah Rendah Bukit Sawat (atas). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, Yang Berhormat mengagihkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**KUALA BELAIT**, Selasa, 16 Januari. - Selaras dengan dasar penubuhannya, Yayasan Sultan Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang memerlukan bantuan.

Sehubungan itu, seramai 58 mangsa banjir di beberapa buah kampung di Mukim Bukit Sawat, daerah ini menerima bantuan dalam bentuk makanan asasi dan barang keperluan harian.

Sumbangan bantuan tersebut disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB.

Pengendalian pengagihan barang-barang bantuan ke 12 buah rumah mangsa banjir dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik YSHHB iaitu Persatuan Pacuan Empat Roda Brunei Darussalam dalam menyediakan

pengangkutan.

Turut sama memberikan bantuan pengangkutan ialah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu Mukim Liang; Yang Berhormat Awang Hanafi bin Mohd. Siput, Ketua Kampung Labi 1; Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny dan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan ketika membuat lawatan ke rumah-rumah mangsa banjir di Mukim Bukit Sawat (atas dan bawah).



## YSHHB bantu mangsa banjir

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

bantuan.

Ministeri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB semasa ditemui pada Majlis Penyerahan Sumbangan dan Bantuan Kepada Mangsa-Mangsa Banjir di Daerah ini menjelaskan, antara tempat-tempat yang terjejas akibat banjir teruk sejak sebulan yang lalu ialah kawasan Sungai Mau, Bukit Sawat dan Merangking.

"Pengendalian pengagihan barang-barang bantuan berbentuk makanan asasi seperti beras, gula, susu dan barang keperluan harian.

Alhamdulillah, pada hari ini berjaya melawat 12 buah rumah yang terjejas akibat banjir dan diharap agar keadaan akan pulih secepat mungkin," ujar Yang Berhormat

YSHHB, tambah Yang Berhormat akan sentiasa mengambil perhatian jika berlakunya perkara sedemikian dan akan berusaha memberikan bantuan di mana-mana tempat yang terjejas akibat banjir.

Di samping itu jelas Yang Berhormat, rombongan juga mengadakan lawatan ke dua buah sekolah di pedalaman di mukim tersebut, namun didapati tidak terjejas oleh banjir.

Murid Sekolah Rendah Merangking, Awang Muhammad Izz Zikri bin Haji Azman semasa ditemui, melahirkan rasa bersyukur, kerana sekolahnya tidak mengalami banjir dan merasa senang meneruskan belajar.

"Saya berasa gembira kerana dengan adanya Menteri Pendidikan melawat dan ingin mengetahui bagaimana situasi sekolah kami. Saya harap semoga pihak pendidikan sentiasa memantau keadaan sekolah kami," jelasnya.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB semasa ditemui pada Majlis Penyerahan Sumbangan dan Bantuan Kepada Mangsa-Mangsa Banjir di Daerah ini menjelaskan, antara tempat-tempat yang terjejas akibat banjir teruk sejak sebulan yang lalu ialah kawasan Sungai Mau, Bukit Sawat dan Merangking.

KUALA BELAIT, Selasa, 16 Januari. - Penyerahan sumbangan bantuan kepada mangsa banjir di beberapa buah kampung di Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait adalah merupakan aktiviti kebajikan khususnya bagi membantu mereka yang memerlukan

# Giat memastikan ladang berkualiti dan produktif

Oleh :  
Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto :  
Mohd. Sahrizal Haji Said

**KIUDANG**, Isnin, 15 Januari. - Syarikat QAF Farm Sdn. Bhd. mempunyai tapak ladang keluasan 65 hektar dan mempunyai sebuah penetasan anak ayam di Kawasan Kemajuan Pertanian Birau yang mula beroperasi pada tahun 2011.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong membuat lawatan rasmi ke reban ayam tertutup dari Kawasan Kemajuan Pertanian Mungkom, Kiudang Tutong.

Ketibaan Yang Berhormat dialu-alukan oleh Pengurus Syarikat berkenaan, Awang Bohari bin Dasin. Diikuti dengan taklimat mengenai latar belakang ladang dan hala tuju pengeluaran ayam pedaging bagi tahun 2018 daripada Awang Bohari.

Menurut Pengurus Syarikat tersebut, perusahaan ladang pada masa kini mempunyai 15 buah reban ayam tertutup yang beroperasi sepenuhnya dengan kapasiti 30,000 ekor dengan menggunakan habuk kayu pada lantai reban (deep litter system).

Tugas-tugas pengendalian reban-reban ayam tersebut dilakukan oleh para pekerja asing yang berpengalaman, namun dari sudut pengurusan Syarikat QAF Farm Sdn. Bhd. pula, majoritinya adalah anak-anak tempatan.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sentiasa memberikan sokongan yang berterusan melalui khidmat nasihat, penyediaan kawasan atau tapak yang bersesuaian dalam mengusahakan ternakan ayam lebih-lebih lagi di dalam penggunaan teknologi tinggi. Ini akan dapat meningkatkan lagi



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (tiga, kanan) bergambar ramai ketika membuat lawatan ke Syarikat QAF Farm Sdn. Bhd.

produktiviti dan pengeluaran ayam pedaging bagi pasaran tempatan dan seterusnya menembusi pasaran luar negeri dengan program piawaian ladang dalam pengurusan perternakan (kebersihan dan biosekuriti ladang).

Bagi meningkatkan lagi mutu ladang ternakan ke arah peningkatan produktiviti, kawalan penyakit yang baik dan menghasilkan produk berkualiti, para pengusaha disarankan untuk menyerapkan GAHP ke dalam pengurusan ladang ternakan

mereka.

Matlamat GAHP itu ialah untuk meningkatkan mutu perternakan ke arah mewujudkan ladang yang berkualiti dan produktif. Selain itu, ia juga menekankan aspek biosekuriti ladang, kesihatan dan keselamatan pekerja, kesejahteraan ternakan dan langkah-langkah bagi mengurangkan kesan alam sekitar. Pengurusan rekod-rekod ladang juga adalah penting di dalam pengurusan ladang bagi memudahkan pengesahan penyakit serta dapat menjamin

kualiti sesebuah ladang ternakan.

Pada masa ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bergiat aktif menjalankan beberapa program untuk menaiktarafkan ladang-ladang yang sedia ada melalui penyerapan teknologi tinggi, penggunaan amalan pemeliharaan yang baik dan biosekuriti serta pemantauan penyakit-penyakit ternakan.

Langkah-langkah tersebut adalah diperlukan dalam mendukung perancangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk

mengeksport komoditi ayam, iaitu telur dan daging ayam kepada negara-negara seperti Singapura, Jepun dan Korea.

Sehubungan itu, jabatan juga menyarankan lebih ramai lagi pengusaha ayam pedaging untuk berkecimpung di dalam penggunaan teknologi tinggi seperti reban ayam tertutup di dalam perusahaan mereka.

Perusahaan tersebut diharat akan dapat meningkatkan industri ternakan dan mampu menjana ekonomi Negara Brunei Darussalam.

## Contoh kepada peladang lain



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong ketika ditemu bual.

### Dari muka 1

"Saya juga mendapati ada peluang ladang ini dapat dibersarkan lagi supaya dapat menambah pengeluaran dan menambah peluang-peluang

## Menjadi tarikan pasaran negara maju

**KIUDANG**, Isnin, 15 Januari. - Syarikat QAF Farm Sdn. Bhd. telah lama beroperasi semenjak 2001 dengan permulaan pengeluaran sebanyak 1.5 juta ekor ayam dalam setahun dan setakat ini, pada tahun 2017 pengeluaran meningkat kepada 2.5 juta ekor ayam, peningkatan tersebut hanya berperingkat-peringkat mengikut keadaan pasaran tempatan.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei di Kawasan Kemajuan Pertanian Mungkom, Kiudang Tutong, Pengurus Syarikat berkenaan, Awang Bohari bin Dasin menjelaskan, syarikat tersebut cuba mengembangkan perusahaannya dan mengeksport ke luar negeri bergantung kepada beberapa keperluan negara terutama produk-produk yang halal kerana di negara ini sudah mempunyai jenama halal yang begitu kukuh dan telah pun dipasarkan ke luar negeri. Ini boleh menjadi tarikan pasaran terutama di negara yang maju.

"Dengan adanya usaha-usaha tersebut, itu perlu diteliti dan dipertimbangkan dan setelah mendapat kelulusan daripada pihak atasan syarikat mungkin akan dilaksanakan secepat mungkin dan juga dapat bantuan dari pihak kerajaan yang terlibat terutama dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian



PADA tahun 2017, pengeluaran meningkat kepada 2.5 juta ekor ayam.

Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dapat membantu mengenai makro market terutama di luar negara," jelas beliau.

Dengan adanya kerjasama dari berbagai-agensi, diharap akan dapat membantu pengusaha-pengusaha di Brunei terutama dalam perternakan ayam agar dapat memperluaskan pasarnya di luar negara.

# Brunei - Korea tingkat kerjasama pertukaran budaya



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tiga, kiri) menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Brunei Arts Forum dan The Korean Fine Arts Association.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Isnin, 15 Januari. - Para pencinta seni di negara ini berpeluang untuk melihat sendiri karya seni yang unik dari Republik Korea menerusi Festival Seni Modern Korea 2018 (Korean Modern Art Festival 2018). Festival disertai lebih 100 artis

seni lukis dari negara tersebut yang dirasmikan di The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Brunei Arts Forum dan The Korean Fine Arts Association bagi

kerjasama dalam pertukaran budaya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan penandatanganan memorandum tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Menandatangani bagi pihak Brunei Art Forum ialah



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyaksikan antara karya seni lukis artis Korea.

Presidennya, Dato Paduka Awang Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor, manakala The Korean Fine Arts Association ditandatangani oleh Presidennya, Lee Bum-Hun.

Festival anjuran The Korean Fine Arts Association itu diselenggarakan oleh Sinar Tour Sdn. Bhd. dengan gabungan utama Brunei Arts Forum, Creative Space Brunei dan Kedutaan Korea di Negara Brunei Darussalam.

Pameran tersebut turut dihadiri

oleh lebih daripada 100 artis seni termasuk Koo Jae-seung, Kim Bo-yeon dan Jin-Kwan Hui, yang mewakili seni kontemporari Korea.

Pameran juga dapat meningkatkan hubungan kerjasama budaya antara Brunei Darussalam dan Korea Selatan.

Pameran dibuka bagi kunjungan orang ramai sehingga 18 Januari ini bermula jam 9 pagi hingga 9 malam.

## Perlادangan berkontrak, perniagaan menguntungkan



PENGARAH Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah (empat, kiri) ketika berucap pada Program Pendedahan Perusahaan Pertanian untuk Para Belia secara Perladangan Berkontrak (Contract Farming) yang diadakan di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PARA usahawan yang hadir mendengarkan taklimat tersebut.

GADONG, Isnin, 15 Januari. - Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah dalam ucapannya menjelaskan, Program Pendedahan Perusahaan Pertanian untuk Para Belia secara Perladangan Berkontrak adalah satu inisiatif jabatan dalam mendukung Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2016 - 2020.

Jelasnya, tujuan program adalah untuk mendedahkan perusahaan pertanian sebagai satu perniagaan menguntungkan serta membuka peluang kepada belia-belia untuk melabur dalam sektor pertanian secara perladangan berkontrak, khususnya dalam bidang industri tanaman menggunakan teknologi tinggi yang boleh meningkatkan hasil pertanian dan memberikan pulangan lumayan.

Beliau seterusnya berharap program itu dapat menarik minat dan meningkatkan penyerataan golongan muda terdiri daripada belia-belia untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian secara *contract farming*, yang mana akan dapat meningkatkan hasil

pertanian dan pasaran eksport.

Hal itu disampaikannya ketika berucap pada Program Pendedahan Perusahaan Pertanian untuk Para Belia secara Perladangan Berkontrak (Contract Farming) selama empat hari sehingga 18 Januari 2018, bertempat di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, di sini.

Program tersebut meliputi sesi taklimat serta penerangan mengenai peluang-peluang pelaburan di bidang industri tanaman, simulasi kewangan bagi perusahaan pertanian menggunakan teknologi tinggi yang disampaikan oleh pengusaha terpilih serta pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Seterusnya, taklimat dari Syarikat Gropoint Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat yang bakal membeli kesemua keluaran belia-belia itu nanti melalui dalam *contract farming* juga diadakan.

Sementara itu, ladang-ladang pertanian yang dilawati pula termasuklah ke Syarikat Ameenfarm Agrotech and

Trading; RZ Prisma Enterprise; Syarikat Econadi Agrobiz; DD Agrobiz dan Kanglin Hydroponics Farming.

Dalam perladangan secara berkontrak ini, para pengusaha pertanian perlu mengeluarkan sejumlah modal dan fokus pada pengeluaran yang berterusan serta berkualiti mengikut standard syarikat yang akan membeli dan memasarkan produk-produk pertanian yang mereka hasilkan.

Menerusi program pertama itu dihasilkan dapat mencapai objektifnya bagi melahirkan para belia usahawan-usahawan pertanian yang komited, progresif dan produktif bagi sama-sama menyumbang ke arah peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam sektor pertanian pada masa terdekat.

Program kedua seterusnya akan diadakan dua minggu selepas program pertama berakhir. Justeru itu, para belia yang berminat bolehlah menghubungi Unit Industri Sayur-Sayuran, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui talian +673 2388095 atau +673 2382822.

# TAP pastikan kesejahteraan ahli pada hari persaraan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurus Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja (TAP) semasa menyampaikan ucapan pada Sesi Muzakarah TAP bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 16 Januari. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) berperanan dalam menyediakan simpanan nasional dan skim sosial di negara ini di samping membantu

ahlinya untuk menyimpan dan mengoptimakan Tabung Persaraan nanti melalui simpanan mandatori ke Skim TAP dan Skim Pencen Carumahan Tambahan (SCP).

Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan perkara itu pada Sesi Muzakarah TAP bersama Ahli-

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di sini.

Yang Berhormat selaku Pengurus Lembaga Pengarah TAP menekankan Skim TAP tidak terhad kepada para pekerja dalam sektor kerajaan tetapi turut dilaratkan kepada pekerja-pekerja di sektor swasta.

Ke arah mengukuhkan dan menjamin lagi keselamatan sosial itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kata Yang Berhormat, telah memperkenankan satu Skim SCP sebagai tambahan kepada skim persaraan yang sedia ada.

Di bawah skim tersebut, setiap pekerja dan majikan masing-masing tambahnya, dikehendaki mencarum 3.5 peratus yang menjadikan keseluruhan caruman bulanan bagi pekerja dan majikan untuk kedua-dua Skim TAP dan SCP, iaitu sebanyak 17 peratus sebulan.

Justeru itu, dalam meningkatkan usaha untuk memastikan objektif

TAP, iaitu kesejahteraan ahli pada hari persaraan dapat dicapai, pihak TAP menurutnya sentiasa giat melaksanakan inisiatif-inisiatif penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

Seramai 15 Ahli MMN menghadiri sesi muzakarah tersebut yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu. Juga hadir ialah Ahli-Ahli Lembaga TAP.

Sesi muzakarah diteruskan dengan taklimat mengenai pengenalan, perkembangan operasi, strategi dan inisiatif TAP yang disampaikan oleh pihak pengurusan TAP.

Diikuti dengan sesi dialog di antara para Ahli MMN dan pihak TAP yang diadakan dalam suasana silaturahim, muhibah dan secara terbuka yang diharap dapat memberikan manfaat kepada TAP dalam usahanya untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan kebijakan dan kesejahteraan para Ahli TAP untuk hari-hari persaraan nanti.



SESI Muzakarah TAP bersama Ahli-Ahli MMN yang diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## 28 pegawai TelBru terima Anugerah Hero Perkhidmatan

Siaran Akbar dan Foto :  
Telekom Brunei Berhad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 16 Januari. - Sebagai sebahagian daripada program pengiktirafan yang berterusan kepada kakitangan yang menunjukkan dedikasi semasa menjalankan tugas, Telekom Brunei Berhad (TelBru) meraikan 28 pegawaiannya yang penuh komited dalam memberikan perkhidmatan pelanggan yang berkualiti pada Majlis Anugerah Hero Perkhidmatan TelBru.

Majlis yang berlangsung di Brunei Hotel di sini, merupakan platform dalaman yang bertujuan untuk mengiktiraf kecemerlangan dan memberi penghargaan kepada kakitangan yang layak berdasarkan pujian yang sah dari pelanggan dalam Perkhidmatan Pelanggan, di samping Anugerah Kumpulan Khas sebagai pengiktirafan untuk usaha kolektif dan semangat berpasukan para

pegawai dalam mengatasi halangan-halangan dan memberikan pemulihan cepat kepada pelanggan.

Hadir menyampaikan anugerah tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, David Holliday.


Kesemua 28 pegawai diberi insentif dengan ganjaran kewangan, sijil dan lencana Hero TelBru yang diharap akan terus cemerlang dalam kerjaya mereka dan menjadi contoh kepada setiap kakitangan dalam organisasi.

TelBru melahirkan penghargaan kepada pegawai dan kakitangannya yang memberikan perkhidmatan yang sangat baik dan menerima pujian dari para pelanggan, serta mencerminkan kerja keras TelBru yang konsisten dalam memupuk prestasi tinggi dan pasukan yang penuh komited.



KETUA Pegawai Eksekutif TelBru, David Holliday (duduk, tiga dari kiri) bergambar ramai bersama penerima Anugerah Hero Perkhidmatan TelBru.

# Tinjauan ke Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa membuat siri lawatan ke Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Januari. - Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah menjadi tumpuan siri lawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd.

Daud.

Lawatan dimulakan dengan ketibaan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan yang dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajijah binti Haji Moktar; pengetua sekolah, pegawai-

pegawai kanan Jabatan Pengajian Islam serta guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berkesempatan membuat tinjauan ke kelas-kelas Pra U1 sambil beramah mesra dengan para pelajar.

Dengan keramaian tenaga pengajar seramai 74 guru dan 326 pelajar dari Pra U1, yang mana 166

pelajar memilih jurusan Syariah, 72 pelajar memilih jurusan Usuluddin, 25 pelajar memilih jurusan Lughah Arabiah, empat pelajar memilih jurusan Umum 1 dan 22 pelajar memilih jurusan Umum 2 dan 307 pelajar dari Pra U2.

Dalam pada itu, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah telah mencapai beberapa kecemerlangan yang membanggakan.

Dari segi kurikulum, sekolah tersebut telah mencapai 96.8 peratus lulus dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei dan dalam Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'A' Level 100 peratus lulus pada tahun 2017.

Turut menyertai rombongan, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.



# MINDA PEMBACA

## Keselamatan di jalan raya tanggungjawab bersama

**S**ETIAP hari kita mendengar dan membaca banyak berita mengenai kemalangan jalan raya yang ngeri sehingga mengorbankan banyak nyawa dan pada masa sama, ramai yang mengalami kecederaan parah dan kehilangan anggota tubuh badan. Perkara ini menunjukkan bahawa kebanyakan kemalangan adalah berpunca daripada kecualian pengguna jalan raya itu sendiri. Oleh yang demikian, adalah penting setiap daripada kita untuk sentiasa menjaga keselamatan semasa berada di jalan raya. Ada terdapat banyak cara untuk menjaga

keselamatan di jalan raya, iaitu dengan merancang perjalanan kita dengan lebih awal. Hal ini kerana banyak kemalangan berpunca daripada pemanduan yang terburu-buru dan hendak cepat untuk sampai ke destinasi yang hendak dituju. Bukan itu sahaja, perjalanan yang tidak dirancang boleh menyebabkan seseorang itu memandu dengan cepat dan secara melulu kerana bimbang terlewat sampai ke destinasi hendak dituju. Namun, jika kita merancang perjalanan dengan lebih awal, nescaya kita boleh memandu dengan tenang.

Bukan itu sahaja, kita juga haruslah mengetahui perkembangan lalu lintas bagi mengelakkan kita berada di dalam kesesakan jalan raya. Selain itu, kita juga hendaklah sentiasa mematuhi peraturan jalan raya, iaitu tidak menggunakan telefon bimbit, tidak bergurau-senda secara berlebihan, sentiasa menggunakan tali pinggang keselamatan sebelum memulakan perjalanan. Di samping itu, kita juga hendaklah sentiasa memandu dengan perlahan apabila berada di kawasan perumahan, kawasan terdapat binatang dan sebagainya. Perkara ini adalah bagi mengelakkan kita daripada membuat bising di sekitar kawasan perumahan dan untuk mengelakkan daripada berlaku kemalangan di mana dipercayai adanya binatang berkeliaran.

Malah, kita juga perlu berfikir bijak

sebelum memulakan perjalanan. Kita hendaklah sentiasa memeriksa kenderaan terlebih dahulu. Perkara ini adalah bagi memastikan semua komponen kenderaan berfungsi dengan baik seperti sistem brek, lampu isyarat, lampu hadapan dan tayar kenderaan sebelum kita memulakan perjalanan yang lebih jauh.

Kesimpulannya, menjaga keselamatan secara cermat dalam penggunaan jalan raya adalah tanggungjawab semua orang. Jika semua menggunakan jalan raya dengan cermat serta sentiasa menjaga keselamatan mereka, nescaya kemalangan akan dapat dielakkan dan kadar kemalangan jalan raya juga boleh menurun.

**Nama : Faihanah Zuhairah binti Azis  
No. K/P : 01-109991 (K)**

**Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**  
**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Belia Masa Depan Bangsa Dan Negara'. Tarikh Tutup : 17 Januari 2018
2. 'Langkah Berjimat Cermat Menggunakan Elektrik'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2018
3. 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2018

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

*Menangi*  
**BND75**  
*Setiap Minggu*

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Sambutan Maulidur Rasul Kelas Bimbingan Muslimah



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Hasbi (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ihya Maulidur Rasul Bagi Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Daerah Brunei Muara diadakan di Masjid Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa 16 Januari. - Kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering dizerahkan melalui aktiviti-aktiviti keagamaan yang dianjurkan terutama bila menjelangnya bulan Rabiulawal, bulan kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Meskipun bulan Rabiulawal sudah berlalu, namun Sambutan

Maulidur Rasul masih terus disemarakkan oleh pelbagai pihak. Sempena tema Maulidur Rasul tahun ini, iaitu 'Rasulullah Qudwah Pemimpin Adil', satu Majlis Ihya Maulidur Rasul Bagi Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Daerah Brunei Muara diadakan di Masjid Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, di sini.

Majlis dianjurkan bersama oleh

Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan Muslimah majlis berkenaan.

Antara tujuan majlis itu diadakan ialah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sama-sama berpatisipasi dalam mengembangkan syiar Islam sekali gus menzahirkan kecintaan terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui bacaan selawat-selawat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin

Hajah Nahriah binti Haji Hasbi.

Turut hadir, jemputan-jemputan khas termasuk isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, isteri Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), isteri Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan wanita dari KHEU serta para Muslimah-Muslimah masjid dari Daerah Brunei Muara.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai dipimpin oleh Muslimah Masjid Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah serta laungan selawat oleh Muslimah-Muslimah masjid dari Daerah Brunei Muara.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Dayang Masniah binti Haji Pungut, Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah masjid tersebut.

Dengan adanya program ini akan dapat memberi pengetahuan kepada Muslimah akan kelebihan selawat dan mengamalkannya sebagai zikir dalam kehidupan sehari-hari.

## Sentiasa amalkan nilai positif



PENGIRAN Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penuntut pada Majlis Graduasi / Haflut Takharuj Sesi 2017 bagi Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH) bagi Sesi 2017 di Dewan Serbaguna Sekolah tersebut (kiri), manakala gambar kanan, para penuntut SUAMPRIPAH yang diraikan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Selasa, 16 Januari. - Seramai 192 penuntut menerima sijil masing-masing pada Majlis Graduasi / Haflut Takharuj Sesi 2017 bagi Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Para pelajar terdiri daripada penuntut 10 Fast Track dan 11 Normal Track.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan ialah Pengiran

Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Semasa berucap, tetamu kehormat menyarankan kepada para pelajar supaya terus memberikan dan memperkenalkan kerajinan yang tinggi, daya usaha yang kreatif dan inovatif untuk mengharumkan nama sendiri, nama ibu bapa, nama guru-guru dan nama sekolah Arab.

Beliau berharap, kejayaan dan pengalaman mereka di sekolah itu akan menjadi modal untuk menempuh alam pendidikan yang

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

lebih tinggi.

"Dalam pada itu, jangan lupa untuk sentiasa mengamalkan nilai-nilai positif dan perkara-perkara baik yang dipelajari di sekolah ini pada masa akan datang," tegasnya.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan hadiah kepada 18 pelajar yang mempunyai kehadiran 100 peratus, 18 Penuntut

Terbaik dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei; dua Penuntut Terbaik dalam Peperiksaan Kelayakan bagi BCGCE 'O' Level, seorang penuntut Cemerlang Keseluruhan dalam Akademik dan seorang Penuntut Cemerlang dalam Kokurikulum.

Majlis dianjurkan buat julung kalinya oleh sekolah berkenaan

sebagai tanda penghargaan daripada sekolah, khususnya kepada pelajar-pelajar yang telah mendapat keputusan cemerlang.

Antara tujuan majlis diadakan ialah bagi meraikan para penuntut yang telah menamatkan empat atau lima tahun pengajian di sekolah tersebut, sebelum mereka meneruskan pengajian ke pra universiti atau institusi pengajian lain selain memberikan penghargaan kepada penuntut-penuntut yang mencapai keputusan cemerlang dari segi akademik dan kokurikulum.

# Azan dan iqamah bagi munfarid

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**M**ENDIRIKAN azan apabila masuk waktu sembahyang fardu lima waktu serta mendirikan iqamah ketika hendak menunaikannya hukumnya sunat. Ada pula sebahagian ulama yang mengatakan hukumnya fardu kifayah kerana ia salah satu perkara yang menzahirkan syiar Islam dan mengabaikan keduanya bererti meremehkan ugama.

Azan dan iqamah hanya didirikan untuk sembahyang fardu lima waktu sahaja termasuk Sembahyang Fardu Jumaat. Adapun sembahyang-sebahyang sunat, Sembahyang Jenazah, sembahyang yang dinazarkan serta lainnya tidak disyariatkan azan dan iqamah, bahkan makruh hukumnya.

Bagi mereka yang sembahyang secara berjemaah, azan dan iqamah merupakan satu tuntutan sunat kifayah. Ini satu perkara yang jelas dan diketahui umum. Apa yang menjadi persoalan di sini ialah bagaimana pula kedudukan azan dan iqamah bagi *munfarid*, iaitu orang yang bersembahyang sendirian? Adakah *munfarid* juga dituntut untuk mendirikan azan dan iqamah seperti mana halnya ia dituntut dalam sembahyang jemaah?

## Hukum Azan Dan Iqamah Bagi Munfarid Serta Persoalannya

Pada dasarnya, menurut qaul jadid dalam mazhab asy-Syafi'i, orang yang bersembahyang sendirian yakni *munfarid* disunatkan secara sunat ain untuk mendirikan azan dan iqamah. Walau bagaimanapun, dalam beberapa keadaan, kaifiat serta tuntutannya tidak sama dengan azan dan iqamah yang didirikan untuk sembahyang jemaah.

Terdapat beberapa perbincangan hukum dan persoalan khusus bagi permasalahan azan dan iqamah bagi seorang *munfarid*. Ini seperti berikut:

1. Hukum Azan Dan Iqamah Bagi Munfarid

Sunat ke atas *munfarid* secara sunat ain untuk mendirikan azan serta iqamah walaupun azan sudah dilaungkan sebelum itu oleh orang lain dan dia sendiri telah mendengar azan tersebut. Ini tidak ada beza sama ada *munfarid* itu hendak mengerjakan sembahyang dalam bangunan ataupun tempat terbuka seperti padang pasir dan sebagainya.

2. Kadar Suara Ketika Mendirikan Azan

**D**OA bermaksud permintaan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk kebaikannya di dunia dan di akhirat.

Adilakukan bersama-sama dengan usaha dan ikhtiar. Doa boleh dilakukan bila-bila masa dan sahaja di mana sahaja sama ada di darat, laut maupun udara.

"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan rendah hati dan dengan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."

(Surah al-Araf, ayat 55)

Di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, kita semua adalah fakir sedangkan Allah Subhanahu Wata'ala adalah Maha Kaya dan Maha Pemberi.

Meminta kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pemurah tidak sama dengan meminta kepada manusia yang serba kekurangan.

Manusia akan marah jika diminta berulang kali. Manakala jika seorang hamba berdoa dan meminta kepada Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan berasa hampa.

Berdoa juga merupakan amalan para Nabi dan Rasul. Bermula daripada Nabi Adam Alaihissalam sehingga Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang sentiasa berdoa dan meminta pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Seseorang yang sedang berdoa sebenarnya sedang berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Hasyr, ayat 10 yang bermaksud :

## Dan Iqamah Bagi *Munfarid*

(i) Bagi seorang *munfarid*, sekiranya dia tidak mahu mengeraskan suaranya ketika mendirikan azan, maka adalah memadai untuk dia mendirikannya dalam kadar yang dapat didengar oleh telinganya sendiri sahaja. Dengan yang demikian, dia dikira sudah menunaikan tuntutan mendirikan azan dan mendapat pahala sunat mendirikan azan.

Ini berbeza dengan azan ketika sembahyang jemaah yang disyaratkan padanya untuk dilaungkan dengan suara keras supaya ia dapat didengar oleh para jemaah. Ini bertujuan bagi mengumumkan masuk waktu supaya para jemaah mengetahui bahawa tidak lama lagi sembahyang jemaah akan dikerjakan.

(ii) Walaupun dikira memadai bagi seorang *munfarid* untuk mendirikan azan dalam kadar yang hanya dapat didengar oleh telinganya sendiri sahaja, akan tetapi menurut ulama adalah disunatkan dan lebih dituntut atas *munfarid* untuk mengeraskan suaranya lebih daripada kadar yang hanya dapat didengar olehnya sendiri.

Tuntutan sunat mengeraskan suara ketika azan ini dikira sudah memadai dan memenuhi tuntutan bagi *munfarid* sekiranya kadar suara azannya itu melebihi sedikit daripada kadar yang dapat didengar olehnya sendiri. Adapun bagi *munfarid* yang hendak melaksanakan tuntutan yang lebih sempurna pula, maka dia disunatkan untuk mengeraskan suaranya ketika azan semampu yang boleh, asalkan tidak menimbulkan *masyaqqa* atau menyusahkan dirinya.

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri Radiallahu anhu, yang secara umum menganjurkan ke atas siapa sahaja yang mendirikan azan supaya mengeraskan suaranya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Tidak ada satu pun jin, manusia atau sesuatu yang mendengar laungan gema dan cakupan suara seorang muazzin melainkan masing-masing mereka itu akan bersaksi untuk kebaikan diri muazzin tersebut pada hari kiamat."

(Hadits riwayat al-Bukhari)

(iii) Bagi iqamah pula, adalah juga memadai atas *munfarid* untuk iqamah dalam kadar yang dapat didengar oleh telinganya sendiri sahaja.

Ini juga berbeza dengan iqamah ketika sembahyang jemaah yang disyaratkan *jahr* iaitu dengan suara yang keras.

Bagaimanapun, dalam sembahyang jemaah, iqamah disyaratkan supaya lebih rendah daripada azan.

3. Hukum Dan Kaifiat Azan Bagi *Munfarid* Ketika Bersembahyang Di Masjid, Surau Dan Seumpamanya

(i) Sekiranya seorang *munfarid* hendak mengerjakan sembahyang di masjid, surau, atau tempat-tempat lain yang sudah didirikan azan padanya dan sudah dikerjakan sembahyang jemaah padanya sebelum itu, maka *munfarid* itu tidak disunatkan mengeraskan suara ketika azan. Tidak ada beza dalam hal ini sama ada jemaah itu sudah beredar atau belum.

Begitu juga *munfarid* tidak disunatkan mengeraskan suara ketika azan sekiranya di tempat seperti masjid dan sebagainya itu terdapat mereka yang sudah mengerjakan secara seorang diri sembahyang fardu yang hendak dikerjakan oleh *munfarid* itu.

Sebaliknya, apabila berada di masjid serta tempat-tempat lain yang sudah didirikan azan dan dikerjakan sembahyang padanya itu, *munfarid* disunatkan untuk tidak mengangkat suara ketika azan.


Sebagai contoh, seseorang pergi ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Fardu Subuh. Ketika dia sampai ke masjid tersebut, Azan Subuh sudah didirikan oleh muazzin masjid berkenaan dan Sembahyang Fardu Subuh pun sudah dikerjakan secara berjemaah atau secara bersendirian oleh sebilangan jemaah. Maka dalam hal ini, sekiranya orang itu hendak mengerjakan sembahyang secara bersendirian, maka disunatkan ke atasnya azan tanpa mengangkat suara.

Adapun sebab kenapa *munfarid* tidak disunatkan untuk mengangkat suara ketika mendirikan azan pada tempat dan keadaan seumpama ini ialah kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan terhadap orang lain. Kekeliruan yang boleh timbul antaranya :

(a) Dikhawatir orang yang mendengarnya menyangka bahawa telah masuk waktu sembahyang yang berikutnya.

(b) Dikhawatir mereka boleh menyangka bahawa sembahyang yang telah mereka kerjakan sebelum itu tidak sah kerana dikerjakan sebelum masuk waktunya. Ini kerana mereka menyangka bahawa azan bagi sembahyang yang sudah selesai mereka kerjakan itu baru sahaja dilaungkan oleh *munfarid* tersebut.

(ii) Sekiranya seseorang itu pergi ke masjid atau surau dan sebagainya yang sudah dilaungkan azan padanya, lalu dia



hendak mengerjakan sembahyang seorang diri di tempat tersebut sedangkan ketika itu jemaah lain masih menunggu sembahyang didirikan secara berjemaah, maka tidak disunatkan atasnya untuk azan. Ini kerana azan yang sudah dilaungkan di tempat tersebut sebelum itu sudah memadai baginya.

(iii) Begitu juga halnya sekiranya seseorang itu mendengar azan di suatu masjid atau surau contohnya, lalu disebabkan azan yang didengarnya itu dia pergi ke masjid atau surau tersebut untuk mendirikan sembahyang. Maka dalam hal ini dia tidak lagi dituntut untuk mendirikan azan walaupun dia mengerjakan sembahyang secara bersendirian kerana azan yang dilaungkan sebelum itu sudah memadai baginya. Ini kerana dengan menghadirkan diri ke masjid atau surau berkenaan, dia dikira telah menyahut seruan azan tersebut.

Berbeza pula halnya jika dia pergi ke masjid atau surau itu bukan kerana menyahut seruan azan yang dilaungkan oleh muazzin di masjid atau surau berkenaan.

Sebagai contoh, seseorang mengetahui bahawa sembahyang Fardu Maghrib sudah masuk waktunya kerana melihat matahari terbenam, lalu dia pergi ke suatu masjid untuk mengerjakan Sembahyang Fardu Maghrib secara bersendirian sedangkan dia sendiri tidak mendengar Azan Maghrib yang dilaungkan sebelum itu di masjid tersebut. Maka dalam hal ini, sunat dia mendirikan azan.

# Berdoa adalah ibadah



Ia mempunyai fadilatnya yang tersendiri, antaranya ialah kebaikan yang bakal diperoleh oleh orang yang berdoa walaupun doa itu untuk saudaranya. Berdoa juga akan menyelamatkan kita daripada sebarang musibah termasuklah orang-orang yang mengaminkannya.

Bukan itu sahaja, fadilat berdoa ini juga akan memberi manfaat kepada orang yang telah meninggal dunia iaitu manfaat kebaikan yang bakal diperoleh oleh orang beriman yang telah meninggal dunia hasil daripada doa orang-orang mukmin lain yang masih hidup.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Hasyr, ayat 10 yang bermaksud :

**'SESEORANG yang sedang berdoa sebenarnya sedang berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala.'**

**'Ia mempunyai fadilatnya yang tersendiri, antaranya ialah kebaikan yang bakal diperoleh oleh orang yang berdoa walaupun doa itu untuk saudaranya. Berdoa juga akan menyelamatkan kita daripada sebarang musibah termasuklah orang-orang yang mengaminkannya.'**

Surah Ghafir, ayat 60 yang bermaksud :

**"Dan Tuhan kamu berfirman : 'Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina."**

Selain itu, seseorang hendaklah berdoa dengan penuh khusyuk dengan perasaan yang mendalam serta pengharapan yang tinggi. Hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang memperkenankan dan mengabulkan doa.

Oleh itu, perbanyakkan berdoa tanpa mengira susah atau senang, miskin atau kaya kerana doa adalah ibadah dan zikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi (dengan syirik dan maksiat) sesudah (Allah) memperbaikinya (dengan mengutus rasul-rasul dan menetapkan syariat-Nya) dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan takut (kalau-kalau tidak akan diterima) dan dengan penuh harapan (supaya dimakbulkan). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang berbuat kebaikan."**

(Surah al-Araf, ayat 56)

# Warga emas terima bantuan rumah



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (duduk, tiga dari kanan) hadir menyempurnakan penyampaian anak kunci rumah kepada warga emas, Awang Asbi bin Md. Yassin yang berlangsung di Dewan Kebudayaan Pelancongan, Kampung Sungai Matan (kiri). Sementara gambar kanan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf menyerahkan replika anak kunci rumah kepada Awang Asbi.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 16 Januari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersama-sama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyerahkan rumah bantuan kepada warga emas, Awang Asbi bin Md. Yassin.

Hadir selaku tetamu kehormat

menyempurnakan penyampaian anak kunci rumah di Dewan Kebudayaan Pelancongan, Kampung Sungai Matan, ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Rumah asal Awang Asbi di Kampung Sungai Matan, Jalan Kota Batu telah roboh dan tidak selamat untuk didiami.

Beliau tidak mempunyai

pekerjaan, hanya bergantung kepada Elaun Bulanan Pencen Umur Tua JAPEM dan masih menanggung seorang isteri, tiga orang anak serta dua ahli keluarga.

Awang Asbi, 68, ketika ditemui melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rezeki sumbang rumah bantuan yang diberikan kepadanya serta menghargai pemedulian dan keprihatinan dari pihak-pihak berkenaan yang membolehkannya memiliki tempat tetap untuk

mereka sekeluarga berteduh.

JAPEM dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengendalikan urusan pembelian dan tukar milik sebuah rumah terpakai di Kampung Sungai Matan untuk disumbangkan kepada Awang Asbi.

Pemberian rumah bantuan

kepada keluarga yang kurang berkemampuan secara bersepada dengan agensi-agensi yang terlibat bertujuan bagi melahirkan semangat kerjasama secara kolektif membantu mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini, iaitu selaras dengan tujuan penubuhan YSHHB.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Masri Osman

## Enam buah kereta terbiar dipindahkan



KENDERAAN-kenderaan yang dikenal pasti terbiar di kawasan letak kereta kawasan Kampung Batu Marang dan juga di persekitaran kawasan Kampung Mentiri dipindahkan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) bersama Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Marang serta Syarikat Pelupusan M. Han Enterprise ke tapak pelupusan (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 16 Januari. - Dalam memastikan undang-undang serta peraturan-peraturan mengenai menyimpan dan membiarkan kenderaan di kawasan-kawasan letak kereta premis perniagaan dan kawasan perumahan terus dilaksanakan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) bersama Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Marang serta Syarikat Pelupusan M. Han Enterprise mengadakan operasi

bersepada.

Pemindahan kenderaan yang terbiar kali kedua ini dilaksanakan di kawasan letak kereta kawasan Kampung Batu Marang dan juga di persekitaran kawasan Kampung Mentiri.

Antara yang menyertai operasi tersebut ialah Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Haji Tarip berserta para pegawai dari Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, Jabatan DBM dan Ahli-Ahli MPK Batu

Marang.

Dalam operasi tersebut, sebanyak enam buah kenderaan telah dikenal pasti dan dipindahkan, iaitu BL 9647 - Daihatsu Applause; BR 6418 - Daewoo Matiz D'Arts; Nissan Pulsa - tiada plat pendaftaran; Mitsubishi Space Wagon - tiada plat pendaftaran; BY 1095 - Chevrolet Optra dan BL 6400 - Mitsubishi Lancer 1.5 GL.

Kesemua kenderaan tersebut ditempatkan di tapak pelupusan

Siaran Akhbar dan Foto :  
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan

syarikat bagi tindakan selanjutnya. Operasi berakhir kira-kira jam 11.00 pagi.

Jabatan DBM selaku Ahli Jawatankuasa Abandoned Vehicle Nationwide Clean-up Project yang dipengerusikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa operasi pemindahan

tersebut akan diteruskan di seluruh kawasan DBM.

Orang ramai diingatkan agar tidak membiarkan atau meninggalkan kenderaan-kenderaan terutama sekali di kawasan awam bagi memastikan kesejahteraan awam dan juga menjaga aspek kebersihan bagi kegunaan awam.

# Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (BFI) akan hasilkan ammonia dan urea



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Pengurus Jawatankuasa Pandu FDI dan Industri Hiliran menyaksikan pertukaran dokumen di antara Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrain bin Abdullah, selaku Pengurus BFI dan Ketua Pegawai Eksekutif, Fertilizer & Syngas Technologies Business Unit of ThyssenKrupp Industrial Solutions AG, Ralf Richmann.

**S**EBAGAI sebahagian daripada pembangunan industri hiliran dalam sektor minyak dan gas, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) pada 28 Oktober 2013 bagi membangunkan dan mengendalikan kilang penghasilan ammonia dan urea di negara ini.

Kilang yang akan menghasilkan 2,200

tan metrik ammonia sehari dan 3,900 tan metrik urea sehari ini ditempatkan di sebuah tapak seluas 55 hektar di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK).

Dengan memanfaatkan bekalan gas asli yang terdapat di negara ini, kilang tersebut akan dibangunkan bersebelahan dengan kemudahan pemprosesan gas di Lumut. BFI akan menggunakan gas asli sebagai bahan mentah utama untuk menghasilkan ammonia dan urea dalam kuantiti yang besar. Walaupun ammonia juga boleh

Oleh : Kementerian Kewangan dengan kerjasama Hezlinawati Haji Abdul Karim, Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

dihadarkan daripada hidrokarbon lain seperti arang batu dan minyak, tetapi disebabkan bahan-bahan mentah tersebut lebih berat dan kompleks untuk diproses, maka gas asli merupakan pilihan terbaik bagi penghasilan ammonia.

Dengan bertambahnya pembukaan tanah-tanah pertanian di seluruh dunia bagi menampung keperluan makanan kepada penduduk dunia yang semakin meningkat, permintaan untuk baja di seluruh dunia juga meningkat pada kadar 3 peratus setahun. Untuk menghasilkan baja pepejal kering, ammonia biasanya ditukar menjadi urea.

Urea ialah kristal pepejal putih yang digunakan secara meluas dalam industri pertanian dan menjadi pilihan kepada para petani kerana produk tersebut boleh disimpan dan dipindah dengan mudah. Sepuluh negara pengekspor utama menyumbang lebih daripada 70 peratus daripada perdagangan global urea, dengan China muncul sebagai pembekal terbesar.

Seratus peratus daripada ammonia yang dihasilkan akan ditukar kepada urea berbentuk bebutir. Walaupun sebahagiannya akan digunakan untuk keperluan domestik, sebahagian besar pula akan dieksport. Harga pasaran semasa bagi urea dianggarkan USD240 setiap tan metrik.

Dengan kedudukan Negara Brunei Darussalam terletak ditengah-tengah rantau ASEAN yang kebanyakannya mempunyai industri pertanian yang besar,

baja yang akan dihasilkan dari kilang itu nanti akan dieksport ke negara-negara berkenaan dan ini akan juga memberi manfaat kepada industri pengangkutan dan logistik di negara ini.

Disamping itu, industri limpahan yang menggunakan ammonia dan urea termasuk industri pembuatan gentian, resin, plastik, penyejukan, pulpa dan kertas.

Pada Ogos 2017, satu perjanjian ditandatangani di antara BFI dengan sebuah syarikat perkhidmatan pembinaan dan kejuruteraan dari Jerman, ThyssenKrupp Industrial Solutions AG bagi pembinaan kilang tersebut. Kilang BFI dijangka akan mula beroperasi pada suku pertama tahun 2021.

Dengan jumlah nilai pelaburan BND1.8 bilion, BFI akan mewujudkan nilai kepada sumber gas asli dengan membangunkan industri hiliran dari minyak dan gas serta membuka peluang hiliran lanjut, termasuk penghasilan formaldehyde dan melamin.

Pembangunan BFI juga akan menyumbang kepada pembangunan berterusan SPARK sebagai hab petrokimia bertaraf dunia yang akan dapat menampung projek petrokimia hiliran yang lain pada masa hadapan. Selain menyediakan 1,200 peluang pekerjaan semasa fasa pembinaan dan operasi, terdapat lebih 600 peluang pekerjaan secara tidak langsung akan dijana melalui projek ini terutama dari perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang diperlukan nanti.



TAPAK Perindustrian Sungai Liang (SPARK) di Lumut di mana BFI akan ditempatkan.

# Keputusan PRA-STPUB, STPUB melalui SMS

Siaran Akbar :  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan-peperiksaan Pra - Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (PRA - STPUB) dan STPUB Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan tersebut dikehendaki mendaftar terlebih dahulu, sama ada pendaftaran secara dalam talian atau melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit.

Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar mulai Isnin, 15 Januari 2018, jam 2.00 petang dan pendaftaran secara dalam boleh dibuat menerusi laman sesawang KHEU di [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn).

Manakala pendaftaran melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak)

NOMBOR INDEKS CALON (jarak) dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST sahaja. Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan melalui SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan.

Pelanggan akan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima. Sehubungan itu, dipohon kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai baki kredit yang mencukupi.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

**Tajuk Tawaran 1 :**  
**MAINTENANCE OF LANDSCAPE  
AND UPKEEPING WORKS TO  
BRUNEI INTERNATIONAL  
AIRPORT, NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM FOR A PERIOD  
OF SIX (06) MONTHS**

**Bilangan tawaran :**  
**AME / 2018 - 2019 / SH - 03**

**Tarikh iklan / mengambil :**  
**Bermula Sabtu, 8 Januari 2018  
selama 2 minggu**

**Tarikh terakhir mengambil  
dokumen tawaran :**  
**Selasa, 23 Januari 2018  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**Tarikh tutup tawaran :**  
**Rabu, 24 Januari 2018  
(hingga jam 2.00 Petang)**

**Kepada :**  
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**  
**d/a Tingkat Bawah**  
**Bahagian Kewangan**  
**Ibu Pejabat**  
**Jabatan Penerbangan Awam**  
**Kementerian Perhubungan**  
**Bandar Seri Begawan, BB2513**  
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**

**Harga Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 24 Januari 2018.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar yuran dokumen sebanyak **BND5.00 (hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
dan  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**

6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) seterusnya lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran diadakan pada :

**Pada : 18 Januari 2018 (Khamis).**

**Jam :**  
**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
atau  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

**Tempat berkumpul :**  
**Dewan Serbaguna  
Bangunan Kejuruteraan  
Dan Pemeliharaan Aset (AME)  
Jabatan Penerbangan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**


**MAHKAMAH BESAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH DI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 67 / 2003  
MALAYAN BANKING BERHAD**  
Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**Vs**  
**HAJAH KUMARIAH  
BINTI HAJI SIRAT  
(BYIC NO. 00-074606)**

Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN PERINTAH  
PENERIMAAN DAN NOTIS  
PELEPASAN / PEMBATALAN  
PERINTAH PENGHUKUMAN**

SILA ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman yang dibuat terhadap Penghutang telah **di lepaskan / dibatalkan** pada **9 November 2017**.

Nama Penghutang :  
**HAJAH KUMARIAH  
BINTI HAJI SIRAT**

Alamat Penghutang :  
No. 2, Simpang 93-126-3  
RPN Kampong Pandan B, Kuala Belait  
Negara Brunei Darussalam.  
Bertarikh : 15 November 2017.

**KES NO. BCY / CP / 79 / 2010  
HSBC FINANCE (B) BERHAD**  
Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**Vs**

**MOHAMMAD FAISAL BIN ARSAD  
(BYIC NO. 00-285719)**

Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

SILA ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **01 Julai 2010** telah **dibatalkan** pada **9 November**

**2017.**

Nama Penghutang :  
**MOHAMMAD FAISAL BIN ARSAD**

Alamat Penghutang :  
No. 34, Simpang 4,  
Jalan Keruak, Panaga  
Seria, Kuala Belait KB4533  
Negara Brunei Darussalam.  
Bertarikh : 15 November 2017.

**KES NO. BCY / CP / 180 / 2009  
THE HONGKONG AND SHANGHAI  
BANKING CORP. LTD**

Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
**Vs**  
**ROZAIMAN BIN SULAIMAN  
(ABDB NO. 250926)**

Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

SILA ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **14 Januari 2010** telah **dibatalkan** pada **9 November 2017**.

Nama Penghutang :  
**ROZAIMAN BIN SULAIMAN**

Alamat Penghutang :  
No. 1152, Simpang i154,  
Kampong Pad Nunok, Lamunin TE1943  
Negara Brunei Darussalam.  
Bertarikh : 15 November 2017.

**KES NO. BCY / CP / 399 / 2008  
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
**Vs**

**1) ADIZULHASYMI BIN MOKSIN  
(BYIC NO. 00-274227)  
2) FADZILAH BIN MOKSIN  
(RBAF NO. 265687)**

Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

SILA ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **7 Mac 2009** telah **dibatalkan** pada **23 November 2017**.

Nama Penghutang :  
**1) ADIZULHASYMI BIN MOKSIN  
2) FADZILAH BIN MOKSIN**

Alamat Penghutang :  
1) No. 6, Jalan 88  
Kampung Perpindahan Lambak Kanan  
Brunei Darussalam  
2) No. 3, Simpang 637-84-67  
STKRJ Lambak Kiri  
Negara Brunei Darussalam.  
Bertarikh : 28 November 2017.

**KES NO. BCY / CP / 148 / 2011  
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

Pemutang Penghakiman / Pemetisyen  
**Vs**

**HJ. ABDUL RAHMAN  
BIN MAITAMIT  
(BYIC NO. 00-121154)**

Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

SILA ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **20 Ogos 2011** telah **dibatalkan** pada **18 November 2017**.

Nama Penghutang :  
**HJ. ABDUL RAHMAN  
BIN MAITAMIT**

Alamat Penghutang :  
No. 79, Jalan 49  
RPN Lambak Kanan, Berakas, BC2315  
Negara Brunei Darussalam  
Bertarikh : 20 November 2017.

**KES NO. BCY / CP / 269 / 2011  
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**Vs**  
**MUHAMMAD HASSRIN  
BIN HJ. ABU BAKAR  
(BYIC NO. 00-303457)**

Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

SILA ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **28 Januari 2012** telah **dibatalkan** pada **16 November 2017**.

Nama Penghutang :  
**MUHAMMAD HASSRIN  
BIN HJ. ABU BAKAR**

Alamat Penghutang :  
No. 57, Simpang 479,  
RPN Teres Tanah Jambu, BU2129  
Negara Brunei Darussalam  
Bertarikh : 20 November 2017.

**KES NO. BCY / CP / 131 / 2014  
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

**Vs**

**ZULKIFLI BIN HAJI AHMAD  
(BYIC NO. 00-063936)**

Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

SILA ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **8 November 2014** telah **dibatalkan** pada **9 November 2017**.

Nama Penghutang :  
**ZULKIFLI BIN HAJI AHMAD**

Alamat Penghutang :  
No. 20, Simpang 1185-73-209  
RPN Bukit Beruang, Tutong, TC3345  
Negara Brunei Darussalam  
Bertarikh : 16 November 2017.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar.**


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**(1)**  
**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR  
DI DALAM KELAS :  
III, IV & V SAHAJA  
KATEGORI :**

**5j SAHAJA - KOD LAMA  
M01 SAHAJA - KOD BAHRU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
16 JANUARI 2018 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP PADA :  
30 JANUARI 2018 (SELASA)  
JAM : 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :  
JKR / DME / 01 / BPB / 2018  
NAMA PROJEK :  
REPLACEMENT WORKS  
FOR DEFECTIVE CONDENSING  
UNITS (DX PACKAGE UNIT)  
AT PEJABAT GRAND  
CHAMBERLAIN, ISTANA  
DARUL HANA, JALAN ISTANA,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

**YURAN TAWARAN : BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**JKR / DTS / WZ / FSII / PK1 / 2017  
YURAN TAWARAN : BND500.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**(3)**  
**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR  
DI DALAM KELAS : II, III & IV  
KATEGORI : E01 & E02 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
23 JANUARI 2018 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP PADA :  
30 JANUARI 2018 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :  
JKR / DME / 02 / SME / 2018  
NAMA PROJEK :  
TERM CONTRACT OF STATIC  
GENERATOR SET  
MAINTENANCE FOR  
GOVERNMENT BUILDINGS  
IN FOUR DISTRICTS FOR A  
PERIOD OF THIRTY-SIX  
(36) MONTHS**

**YURAN TAWARAN : BND30.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**Syarat-Syarat Tawaran :**  
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bahaw, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bahaw, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf "JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

**BILANGAN TAWARAN :  
JKR / DTS / 23 / COS / 2017 - T / V  
NAMA PROJEK :  
BANTUAN PERUMAHAN  
GOLONGAN DAIF, FAKIR DAN  
MISKIN, NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM FASA II  
- PACKAGE 1 (30 BUAH)  
(COMPLETION)  
NO. PROJEK :**


**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**QUOTATION NO. :  
10 / 2017 / KKBS / PPB / 08  
(RE-QUOTATION)**

**QUOTATION TITLE :  
TERMS CONTRACT 12 MONTHS  
TO SUPPLY AND DELIVERY OF  
BUTANE, OXYGEN, ACETYLENE,  
ARGON AND CARBON  
DIOXIDE GAS FOR TRAINNING  
PROGRAMMES AT PUSAT  
PEMBANGUNAN BELIA,  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN  
BELIA DAN SUKAN,  
JALAN UTAMA TANAH JAMBU,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**1) QUOTATION** is open to contractor / company who is registered with the Government of His Majesty The Sultan of Brunei Darussalam.

**2) Quotation** is to be submitted using the specific forms available and to be put inside a sealed envelope with stating only the quotation's number, title and closing date without revealing the contractor / company's identity. To be put inside the Quotation Box [Green Color Coding] available at and to be addressed to Chairman of Quotation's Committee :

**1st Level, Ministry of Culture,  
Youth and Sport's Building,  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,  
Bandar Seri Begawan, BS81110,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Not later than 2:00 pm on 25th January  
2018 (THURSDAY)**

**3) Quotation received later than the starts time and date will not be entertain.**

**4) a) Further enquiries can be obtained from the Administration Section, Youth Development Centre, Ministry of Culture, Youth and Sports, Tanah Jambu Main Road, NBD;**

**b) Quotation's documentation can be**

obtained from the Financial Section, Level 1, Ministry of Culture, Youth and Sports; and

c) Payment of the quotation's fee can be made at the Financial Section, Level 1 from **8.00 am to 11.30 am** and from **2.00 pm to 3.00 pm** every working day except on Saturday (only available until 11.30 am).

5) Late date to get the quotation's documentation is on **23rd January 2018 (TUESDAY)**, before **3.00 pm**.

6) Quotation Fees will be **BND10.00** in the form of cash or local cheque. Document fees will not be refunded.

7) It is **STRONGLY ADVISED** for every contractor / company who wishes to take part in this quotation, to visit the site; **PUSAT PEMBANGUNAN BELIA (YOUTH DEVELOPMENT CENTRE), JALAN UTAMA TANAH JAMBU** office / building / compound before submitting any offer. Any enquiries and appointment can be referred to officer-in charge / representative at +673 2393681 / 2 extension 717 (Pegawai Latihan) 741 (Pengajar Teknik Kanan) during office hour.

8) Before the quotation's documentation is given, every contractor / company are requested to show their Company's Certificate of Registration; (Business Names Act Section 16 and 17) and / or Supplier / Contractor's Registration Certificate from Ministry of Development Certificate as required to the officer in-charge and during the process of settling payment of the quotation's fee.

9) Copy of certificates and payment receipt as stated in paragraph 6 and 8 respectively, to be attached along with the quotation's documentation submitted.

10) The Government of His Majesty The Sultan of Brunei Darussalam will not certainly to accept any lowest quotation or any-any quotation received.

## Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

### PERKHIDMATAN KEBENARAN EKSPRES MENYAMBONG LESEN TUMPANG SEMENTARA (PEKA)

Dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai pihak Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan, telah memperkenalkan satu program pembaikan perkhidmatan khusus kepada pemegang-pemegang yang menduduki tanah secara Lesen Tumpang Sementara (LTS). Perkhidmatan yang akan bermula pada **1 hb September 2017** akan memudahkan pemohon-pemohon untuk mendapatkan kebenaran penyambungan LTS pada hari yang sama permohonan tersebut dihadapkan.

*Pesuruhjaya Tanah,  
Negara Brunei Darussalam*

#### CARTA ALIRAN PROSES



Perkhidmatan cepat dan mudah ini akan hanya dihulurkan kepada pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat berikut;

1. Menghadapkan borang permohonan penyambungan yang lengkap diisikan ke kaunter Pejabat Tanah.
2. Membuat pembayaran LTS bersama permohonan.
3. Tidak mempunyai tunggakan pembayaran LTS (dan lain-lain pembayaran seperti royalti kerja-kerja tanah).
4. Memajukan tapak tanah LTS mengikut jenis kemajuan yang telah dibenarkan.
5. Aktif membuat permohonan penyambungan LTS.
6. Tidak melanggar syarat-syarat menduduki tanah secara LTS.

Manakala bagi pemohon-pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut akan diproses mengikut proses yang lazim.



JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

#### PEKA

PEKA adalah singkatan pada Perkhidmatan Penyambungan Ekspres Lesen Tumpang Sementara (LTS) Awda. Ia satu sistem pengurusan dalam memastikan pemegang-pemegang tanah LTS yang membuat permohonan untuk menyambung lesen tahunan akan mendapat kebenaran permohonan mereka pada hari yang sama.

Sebagai salah satu agensi kerajaan yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai pihak pengurusan Jabatan Tanah sentiasa peka dalam memberikan kemudahan berurusan kepada pelanggan-pelanggannya. Peka pada kesulitan yang dihadapi oleh pemohon-pemohon sebelum ini dalam membuat urusan penyambungan lesen tanah-tanah mereka, proses penyambungan lesen telah diper mudahkan dengan pemohon-pemohon hanya perlu datang sekali untuk berurusan bagi mendapatkan kebenarannya.

Pihak pengurusan Jabatan Tanah adalah komited dalam menjayakan perkhidmatan ini dan sistem ini telah dilaksanakan di Pejabat-Pejabat Tanah di ke empat daerah bagi memastikan perkhidmatan ini berjalan dengan sempurna.

Borang - borang menyambung lesen Tanah LTS boleh dibeli dan dihadapkan di Pejabat-Pejabat Tanah Daerah

seperti berikut :

**PEJABAT DAERAH  
BRUNEI DAN MUARA,**  
**TINGKAT 1**

**Kaunter Perkhidmatan**  
**(Penerimaan Borang  
Menyambung LTS)**  
Isnin hingga Khamis  
dan Sabtu

8.00 Pagi hingga 10.45 Pagi  
1.45 Petang hingga  
2.45 Petang

**Kaunter Pembayaran**  
**(Pembayaran Cukai LTS)**  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga  
3.00 Petang  
Jumaat, Ahad dan Hari  
Kelepasan Awam  
Tutup

**PEJABAT DAERAH  
TUTONG, BELAIT DAN  
TEMBURONG**

**Kaunter Perkhidmatan**  
**(Penerimaan Borang  
Menyambung LTS)**  
Isnin hingga Khamis

8.00 Pagi hingga 10.45 Pagi  
1.45 Petang - 2.45 Petang  
Sabtu

8.00 Pagi hingga 10.45 Pagi  
1.45 Petang hingga  
2.30 Petang

**Kaunter Pembayaran**  
**(Pembayaran Cukai LTS)**  
Isnin hingga Khamis

8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga  
3.00 Petang  
Sabtu

8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
1.45 Petang hingga  
2.45 Petang

**Jumaat, Ahad dan Hari  
Kelepasan Awam - Tutup**

dalam tempoh 21 hari bermula dari 3 hari selepas pengesahan penerimaan permohonan berkenaan telah diterima, maka permohonan pindah milik tanah tersebut adalah dibatalkan dengan sendirinya tanpa sebarang makluman. Pemohon yang berkeinginan untuk meneruskan pindah milik bolehlah menghadapkan permohonan baru.

3. Bagi pemohonan sebelum perubahan ini berkuatkuasa dan belum hadir untuk menandatangani M.O.T adalah dipersilakan untuk berbuat demikian. Kegagalan untuk memenuhi penandatanganan yang dimaksudkan sebelum tarikh yang dinyatakan akan menyebabkan permohonan dibatalkan dengan sendirinya.

Oleh yang demikian, semua pemilik-pemilik tanah bergeran dan pelanggan-pelanggan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan yang berkenaan akan dapat hadir ke Jabatan Tanah, Bahagian Pendaftaran bagi

tanah-tanah yang terletak di Daerah Brunei dan Muara dan di cawangan-cawangan Pejabat Tanah seluruh daerah di mana lokasi tanah mereka bagi tujuan yang dimaksudkan.

Waktu perkhidmatan kaunter-kaunter Pejabat Tanah adalah seperti berikut :

**Bahagian Pendaftaran  
Pejabat Pesuruhjaya Tanah  
[Tingkat Bawah]**

Isnin hingga Khamis dan Sabtu  
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi  
2.00 Petang hingga 3.30 Petang  
Jumaat, Ahad dan  
Hari Kelepasan Awam  
Tutup

**Pejabat Tanah Daerah Tutong,  
Belait dan Temburong**

Isnin hingga Khamis dan Sabtu  
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.30 Petang  
Jumaat, Ahad dan  
Hari Kelepasan Awam  
Tutup



JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

#### NOTIS PEMBERITAHUAN

##### PEMBATALAN PERMOHONAN PINDAH MILIK ATAS KEGAGALAN MENANDATANGANI MEMORANDUM PEMINDAHAN [M.O.T]

JABATAN Tanah, Kementerian Pembangunan sukacita menarik perhatian semua pemilik-pemilik tanah bergeran dan pelanggan-pelanggan bahawa berdasarkan pemantauan pihak Jabatan mendapati masih terdapat pemohon-pemohon yang tidak hadir untuk menandatangani Memorandum of Transfer [M.O.T] bagi permohonan pindah milik tanah. Sehubungan itu, berkuatkuasa pada 2 Januari 2018 beberapa perubahan diperkenalkan

bagi permohonan-permohonan pindah milik tanah, iaitu :

1. Pada masa ini, pemohon tidak perlu menunggu surat makluman perjanjian untuk menandatangani Memorandum of Transfer [M.O.T], tetapi boleh ditandatangani 3 hari selepas permohonan pindah milik dihadapkan melalui atas talian, LARIS [<https://laris.gov.bn>] dan pengesahan penerimaan permohonan berkenaan telah diterima oleh pemohon dari Jabatan Tanah. Permohonan tersebut akan hanya dihadapkan kepada pihak yang berkuasa apabila M.O.T telah selesai ditandatangani.

2. Pemohon-pemohon pindah milik tanah yang gagal menandatangani Memorandum of Transfer [M.O.T]



## Penggunaan beg kitar semula

**P**ENGGUNAAN beg kitar semula mendidik orang ramai di negara ini supaya bersama-sama menjaga kebersihan alam sekitar kerana beg plastik yang digunakan sebelum ini boleh merosakkan alam sekitar memandangkan beg plastik tidak akan hancur jika ditanam dalam tanah hingga 100 tahun, jika dibakar ia akan mencemarkan udara.

Sehingga ke hari ini, belum ada teknologi yang dicipta oleh mana-mana negara di dunia ini yang dapat menghancurkan beg plastik tanpa merosakan alam sekitar, apa yang ada ialah beg plastik diproses semula untuk menjadikan bahan plastik yang lain.

Langkah Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah mengambil pungutan ke depan dengan memperkenalkan beg guna semula bagi mengantikan penggunaan plastik pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad di semua pasar raya serta pusat membeli-belah.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan pandangan orang ramai mengenai penggunaan beg kitar semula.

"Selalunya beg kitar semula diperbuat daripada material yang mesra alam tetapi dijual agak tinggi sedikit berbanding beg plastik mungkin sebab itulah orang ramai gemar menggunakan beg plastik jika membeli-belah serta ia mudah untuk disimpan."

Tetapi demi menjaga alam sekitar dan untuk generasi akan datang penggunaan beg kitar semula menjadi pilihan terbaik walaupun harganya tinggi sedikit. Dengan penggunaan beg kitar semula di pusat membeli-belah, ia membantu pasar raya atau pusat membeli-belah untuk menjual beg kitar semula dengan harga murah.

Akan tetapi adalah lebih bijak jika JASTRe dapat memperkenalkan beg kertas yang boleh digunakan semula sekurang-kurang tiga atau empat kali penggunaan kerana kertas lebih mudah dilupuskan dan tidak merosak alam sekitar." - Niq, Rimba.

"Menggunakan beg kitar semula untuk membeli-belah merupakan usaha yang sangat baik kerana ia dapat mengajar kita bagi menjaga dan membersihkan alam sekitar daripada beg plastik yang sukar untuk dilupuskan."

Tetapi jika sekiranya beg kitar semula akan digunakan sepanjang minggu perlu pendekatan yang lebih terperinci memandangkan beg plastik masih kita perlukan di rumah seperti menyimpan ikan ke dalam peti ais dan membuang sisa makanan kerana sampah juga dibuang dan dikemas ke dalam beg plastik.

Adalah lebih baik jika penggunaan beg kertas digunakan seperti yang diamalkan di negara lain kerana kertas pun boleh dikitar semula akan tetapi di negara ini belum ada syarikat yang mewujudkan kilang kertas kitar semula. Sebenarnya penggunaan beg plastik boleh kita hentikan penggunaan sepenuh jika ada syarikat yang bersedia membuka pusat memproses kertas kitar semula kerana dapat kita lihat kertas pun banyak dibuang begitu saja sedangkan di negara lain sudah menggunakan teknologi untuk mengitar semula kertas untuk dijadikan beg kertas kitar semula." - Laiho, Berakas.

"Penggunaan dan pelaksanaan beg kitar semula, yang diaktifkan pada setiap hujung minggu ini jelas sekali sedikit sebanyak membantu hasrat kerajaan dan beberapa pihak di negara ini dalam sama-sama mengurangkan kadar pelupusan beg plastik. Walaupun inisiatif ini hanya dapat membantu sekitar 30 peratus secara purata, namun ia juga sedikit sebanyak memberi impak yang positif kepada masyarakat akan betapa pentingnya, kita dalam sama-sama merealisasi dan mewujudkan alam sekitar yang bersih, kehijauan hutan yang terpelihara dan tetap lestari. Peranan media dan gedung perniagaan serta beberapa pasar raya, walau sekecil apa pun, ternyata membawa kesedaran dan keprihatinan orang ramai pada tujuan dan matlamat yang mulia ini. Dari itu, marilah kita bersama-sama berpartisipasi mengurangkan penggunaan beg plastik dan seterusnya dapat mendisiplinkan diri kita dan keluarga agar lebih bijaksana dan sekali gus memanfaatkan keberkesan penggunaan beg kitar semula." - Dais Hamed, Kampung Panchor Mengkubau.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-mel pendapat biskita ke :

i. Pembayaran Gaji Dua Kali Sebulan.  
ii. Belia Ceburi Bidang Perniagaan.

## Sebuah syarikat dan individu dikenakan denda kompaun

Siaran Akhbar dan Foto :  
Bahagian Pelesenan dan  
Penguatkuasaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 16 Januari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah membuat pemeriksaan mengejut ke atas sebuah premis perniagaan, iaitu Syarikat Dayang Tengah binti Damit dan Anak-Anak yang bertempat di Kampung Serasa.

Hasil pemeriksaan telah mendapati syarikat tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggal 30) kerana membuang sampah di tempat awam.

Syarikat tersebut telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND200.

Manakala seorang lelaki warga asing, iaitu Mohammad Afzal, 29 tahun juga telah dikenakan denda kompaun



JABATAN Daerah Brunei dan Muara telah membuat pemeriksaan mengejut ke beberapa kawasan dan mendapati ada pihak telah membuang sampah di tempat awam.

sebanyak BND100 atas kesalahan yang sama.

Kedua-duanya diberi tempoh selama satu minggu untuk menjelaskan denda tersebut dan diarahkan untuk membersihkan kawasan berkenaan.

Sehubungan ini, Jabatan

Daerah Brunei dan Muara sekali lagi ingin mengingatkan kepada syarikat-syarikat dan individu-individu supaya akan dapat menjaga kebersihan alam sekitar dan bertanggungjawab menjaga keindahan persekitaran kawasan awam.

قىستا بوكو برونى  
دان كرنیول مقرڪاس بودايا تماج ٢٠١٨

**PESTA BUKU BRUNEI**

**DAN KARNIVAL MEMPERKASA BUDAYA MEMBACA 2018**

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34, TAHUN 2018

ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**STADIUM TERTUTUP  
KOMPLEKS SUKAN NEGARA  
HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS**

**27 FEBRUARI-08 MAC 2018**

**Setiap Hari**  
**8.30 Pagi-10.00 Malam**  
**Hari Jumaat**  
**9.00 Pagi-11.30 Pagi**  
**2.30 Petang-10.00 Malam**



# Kunjungan PESEBAR ke Banda Aceh



SEBAHAGIAN daripada Ahli Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) yang menyertai rombongan muhibah ke Banda Aceh menadah tangan ketika doa dibacakan. Rombongan diketuai oleh Setiausaha Kehormat PESEBAR, Profesor Madya Dr. Haji Asbol bin Haji Mail (dua, kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Januari. - Seramai 15 ahli dan para ibu dari Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) bertolak ke

Banda Aceh yang terkenal dengan nama 'Serambi Mekah'.

Lawatan selama lima hari bermula 16 hingga 20 Januari itu

diketuai oleh Setiausaha Kehormat PESEBAR, Profesor Madya Dr. Haji Asbol bin Haji Mail.

Rombongan akan menjadi

tetamu kepada Ketua Balai Palestarian Nilai Budaya (BPNB), Aceh, yang mana akan membincangkan dan bertukar-

Siaran Akbar dan Foto :  
Persatuan Sejarah Brunei

tukar pendapat dalam bidang sejarah, budaya, bahasa, agama serta sistem kesultanan yang diamalkan kedua-dua negara.

Menerusi lawatan tersebut akan dapat meningkatkan dan mengeratkan hubungan silaturahim dalam usaha untuk merapatkan lagi kerjasama dalam bidang akademik, ekonomi seperti pelancongan, selain meningkatkan keimanan dan ketakwaan melalui kunjungan ke tempat-tempat yang dilanda Tsunami pada bulan Disember 2004 yang lalu.

Pada lawatan itu, para rombongan juga akan melawat ke tempat-tempat menarik, iaitu Pulau Sabang, Muzium Negara, Rumah Aceh, Makam Sultan Iskandar Muda, Taman Putro Phang / Gunongan, Masjid Raya Baiturrahman, PLTD Apung, Muzium Tsunami, Kapal Di Atas Bumbung Rumah, Syekh Kuala dan lain-lain.

## UNISSA tumpuan masyarakat antarabangsa di bidang pengajian Islam

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa terutama dengan adanya kunjungan delegasi dari Balai Pendidikan dan Pelatihan (DIKLAT) Keagamaan Surabaya,

Kementerian Agama Republik Indonesia.

Kunjungan ini adalah bertujuan untuk mengetahui lebih dekat tentang perkembangan sistem pendidikan yang berhubung kait dengan pengajian Islam khususnya di UNISSA.

Kunjungan delegasi Balai DIKLAT Keagamaan Surabaya, Kementerian Agama Republik Indonesia diketuai oleh Drs. H Sholikin, M. Ed, dan diiringi oleh Ketua Seksi DIKLAT Teknis, Dr. H Machzudi serta 35 anggota DIKLAT.

Rombongan delegasi telah dialu-alukan oleh Pemangku Timbalan Pendaftar (Akademik) UNISSA, Awang Hayattuddin bin Haji Moksin yang juga

menyampaikan taklimat tentang penubuhan UNISSA.

Pihak delegasi juga ingin membuka jaringan kerjasama dengan UNISSA melalui program-program pertukaran kepakaran dalam seminar-seminar atau bengkel-bengkel yang dianjurkan kedua-dua belah pihak.

Balai DIKLAT Keagamaan adalah sebuah unit yang menangani bidang pendidikan dan

pelatihan dalam lingkungan keagamaan di bawah Kementerian Agama Republik Indonesia.

Fungsi unit ini adalah untuk melaksanakan pendidikan dan pelatihan tenaga pentadbiran dan tenaga kerja di bawah kementerian berkenaan.

Majlis dihadiri juga oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa UNISSA, Awang Haji Sammalli bin Haji Adam.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menerima kunjungan daripada delegasi Balai DIKLAT Keagamaan Surabaya, Kementerian Agama Republik Indonesia.

# Meterai perjanjian anjur Kejohanan Golf Wanita Terbuka Brunei

Berita dan Foto :  
Ihsan Lyra Mohammad

JERUDONG, Selasa, 16 Januari. - Kejohanan Golf Wanita Terbuka Brunei (Brunei Ladies Open) buat julung kalinya akan diadakan pada 17 hingga 19 Mac 2018.

Sehubungan itu, Galaxia SM (GSM), sebagai pengendali rasmi kejohanan berkenaan telah menandatangani perjanjian dengan pelbagai agensi yang terlibat bagi acara tersebut yang berlangsung di The Empire Hotel & Country Club.

Bagi pihak GSM, Perjanjian dimeterai oleh Naib Presidennya, Lee Min Joo.

Acara tersebut turut menyaksikan penandatanganan antara GSM dengan Freme Travel Services Sendirian Berhad, sebagai agensi pelancongan rasmi, Kor Bru Sdn. Bhd. selaku penyelaras rasmi bersama kejohanan dan The Empire Hotel & Country Club sebagai tempat acara diadakan.

Menandatangani bagi pihak Freme Travel adalah Pengurus Eksekutif Syarikat tersebut, PM Dato Shariffudin, Kor Bru diwakili oleh Pengarahnya, Alex Choi Jae Hum sementara Pengurus Am, The Empire Hotel & Country Club, Nigel Badminton menandatangani bagi

pihak hotel tersebut.

Menurut Pengarah Kor Bru, Alex Choi syarikat berkenaan bertindak sebagai syarikat penghubung bagi kedua-dua Persatuan Golf GSM dan Brunei Darussalam Golf Association (BDGA) dan juga akan membantu dalam mengatur acara-acara tersebut.

"Kami akan bekerjasama dengan BDGA untuk memohon kelulusan yang diperlukan untuk kejohanan tersebut dan Kor Bru juga akan menganjurkan kejohanan bersama dengan GSM untuk dua tahun akan datang," tambahnya.

Perkhidmatan Travel Freme pula akan menjadi ejen perjalanan tempatan yang mengendalikan semua perjalanan dan penginapan perjalanan yang diperlukan untuk pemain serta pelawat lain, seperti media luar dan pelancong golf semasa kejohanan, manakala pemain golf wanita profesional akan membawa penaja mereka, jurulatih, keluarga dan perkhidmatan sokongan yang akan menggunakan beberapa kemudahan.

Korea Ladies Professional Golf Association yang bercadang untuk menjadi nombor satu dunia memperluaskan kehadirannya dengan mengadakan pertandingan di luar



Pengerusi Eksekutif Syarikat Freme Travel, PM Dato Shariffudin mewakili Freme Travel dan Alex Choi Jae Hum dari Kor Bru Sdn. Bhd. bertukar-tukar dokumen sejurus penandatanganan Perjanjian Kejohanan Golf Wanita Terbuka Brunei yang akan diadakan pada 17 hingga 19 Mac 2018.

negara untuk mengesahkan kedudukannya sebagai pelancongan negara. golf Asia Wanita dan Negara Brunei Darussalam merupakan destinasi ketiga luar

## مقرنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦرعن

Memperkenalkan  
**Aplikasi Mudah Alih  
Jabatan Penerangan**

**InfoDeptBN**

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

# Sukan

## INFO SUKAN

TAOLU melibatkan corak seni mempertahankan diri dan gerakan, di mana pemain dihakimi dan diberi markah untuk peraturan tertentu. Acara-acara Taolu dibahagikan pada dua kategori, iaitu Barehanded dan Armed.

Barehanded terdiri dari Changquan, Nanquan, Taijiquan dan Armed terdiri dari Nandao, Jianshu, Taijijian, Gunshu, Nangun, Qiangshu dan Daoshu.



ePaper Pelita Brunei

## Kejohanan Golf Wanita Terbuka Brunei buka tirai 17 Mac depan



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi penganjuran Kejohanan Golf Wanita Terbuka Brunei (Brunei Ladies Open) di Negara Brunei Darussalam telah diadakan di antara Korea Ladies Professional Golf Association (KLPGA) dengan Persatuan Golf Brunei Darussalam (BDGA) yang mana pihak KLPGA ditandatangani oleh Pengurusnya, Kang Chunja, manakala BDGA diwakili oleh Presidennya, Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metassan (kiri dan kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Ihsan Persatuan Golf Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 15 Januari. - Korea Ladies Professional Golf Association (KLPGA) akan menganjurkan Kejohanan Golf Wanita Terbuka Brunei (Brunei Ladies Open) di Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada acara jelajah musim KLPGA.

Sehubungan itu, penandatanganan Memorandum

Persefahaman (MoU) bagi penganjuran kejohanan tersebut telah diadakan di antara KLPGA dengan Persatuan Golf Brunei Darussalam (BDGA).

Majlis berlangsung di Radisson Hotel.

Menandatangani bagi pihak KLPGA ialah Pengurusnya, Kang Chunja manakala BDGA diwakili oleh Presidennya, Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metassan (kiri dan kanan).

Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metassan.

Dengan penandatanganan tersebut akan menambah lagi kerjasama pada masa akan datang dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dihasilkan dapat meningkatkan lagi sukan pelancongan di negara ini.

Diiktiraf bersama oleh KLPGA dan BDGA serta Kor Bru Sdn. Bhd., negara ini akan menjadi

salah sebuah destinasi jelajah kejohanan musim KLPGA bagi tahun 2018 dengan menawarkan hadiah berjumlah sehingga 700,000,000.00 won (kira-kira BND850,000.00). Kejohanan akan berlangsung selama tiga hari bermula 17 Mac hingga 19 Mac 2018.

Jelajah tersebut dihasilkan untuk menjadi yang terkemuka di dunia, di samping untuk mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai Jelajah Golf Wanita Asia (Asian Ladies Golf Tour) dengan

menganjurkan kejohanan di luar negara.

KLPGA berharap dengan penganjuran kejohanan ini akan dapat memainkan peranan besar dalam membentuk hubungan antara kedua negara selain mengembangkan sukan golf.

Dengan kejohanan tersebut juga akan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi kegemaran para pemain golf di Asia Tenggara.

## Kejohanan Richard Mille Brunei, 7 Mac 2018

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG**, Selasa, 16 Januari. - Kejohanan Richard Mille Brunei 2018 yang dulu dikenali sebagai Kejohanan Golf Profesional merupakan acara sulung Asian Development Tour (ADT) yang akan diadakan pada 7 hingga 10 Mac 2018 di The Empire Golf & Country Club dengan menawarkan hadiah rebutan sebanyak USD60,000 untuk dimenangi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengurus Ahli Jawatankuasa Kejohanan Golf Profesional ADT 2018, Awang Haji Mohd. Junaidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman pada Sidang Media Kejohanan Richard Mille Brunei 2018 yang

berlangsung di Clubhouse The Empire Golf & Country Club.

Kejohanan golf profesional itu akan menampilkan pemain utama amatur Brunei yang mana empat daripadanya adalah pemain yang menyertai Sukan SEA baru-baru ini, iaitu Awang Mohammed Qawiem Fakhri bin Haji Aslimon, Awang Mohammad Qazzri Fakhri bin Haji Aslimon, Awangku Muhd. Syakir bin Pengiran Haji Ali dan Lai Suan Loong.

Sementara itu, dua peserta yang telah mendapat pro beberapa tahun lalu, iaitu Awang Haji Mohd. Faiz Fakhri bin Haji Damit dan Pengiran Wirahadikusum bin Pengiran Haji Mohd. Salleh turut memanfaatkan kesempatan

bermain pada kejohanan ini dan memajukan lagi kerjaya mereka.

Dalam pada itu, beliau melahirkan penghargaan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan SPS Innovative Enterprise serta penaja-penaja yang lainnya di atas sokongan dalam membantu mengembangkan permainan golf di negara ini dan di seluruh rantau ini.

Antara yang hadir pada sidang berkenaan, Setiausaha Tetap KKBS, Timbalan Setiausaha Tetap KKBS dan KSSUP, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan orang persendirian.

Keterangan lanjut mengenai ADT, orang ramai boleh melayari laman sesawang [www.asiandevelopmenttour.com](http://www.asiandevelopmenttour.com).



PENGURUS Ahli Jawatankuasa Kejohanan Golf Profesional Asian Development Tour 2018, Awang Haji Mohd. Junaidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman pada Sidang Media mengenai Kejohanan Richard Mille Brunei 2018 yang diadakan di Clubhouse The Empire Golf & Country Club.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'BANGUNKAN MODEL INSAN, USAHAWAN PERTANIAN GOLONGAN BELIA'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتیق کراجاں، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.